

PENGURUSAN
ASET KERAJAAN

PANDUAN

Pengguna

Sistem Pengurusan Aset

Disediakan Oleh Kementerian Kewangan Malaysia
Sebagai Panduan Penggunaan Sistem Pengurusan
Aset Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun
2007



Kementerian Kewangan Malaysia



Isi Kandungan


Perkara	Muka Surat
BAB A - Pengenalan	3
BAB B - Pentadbir Sistem	6
BAB C - Pendaftaran dan Carian	19
BAB D - Penempatan	36
BAB E - Pergerakan	43
BAB F - Penyelenggaraan	52
BAB G - Pemeriksaan	63
BAB H - Pelupusan	73
BAB I - Kehilangan dan Hapuskira	103
BAB J - Laporan	124

BAB A - PENGENALAN

1. APA ITU SPA ?

SPA ialah Sistem pengurusan aset

Sistem SPA meliputi semua aspek pengurusan aset alih dan inventori berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007), Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan pengurusan aset alih. Manakala sistem SPS meliputi semua aspek pengurusan stor berdasarkan Panduan Perbendaharaan | Tatacara Pengurusan Stor (TPS), Arahan Perbendaharaan dan pekeliling lain yang berkaitan dengan pengurusan aset dan stor.



2. KETERANGAN MODUL DIDALAM SISTEM SPA.

2.1. MODUL PENTADBIR SISTEM - ADMINISTRATOR

Modul Pentadbir Sistem ialah satu modul yang berfungsi untuk mengawal keseluruhan sistem. Ia merangkumi kawalan kepada pengguna sistem, modul dan sub modul yang boleh di akses oleh pengguna yang dibenarkan, kawalan kod dan kawalan kepada semua perkara penting di dalam sistem.

2.2. MODUL PEMBEKAL.

Modul pembekal adalah satu modul yang menyimpan semua maklumat pembekal. Khusus kepada pembekal yang terlibat dengan pembekalan aset di organisasi terbabit.

2.3. MODUL PENDAFTARAN DAN CARIAN

Modul Pendaftaran dan carian berfungsi untuk membenarkan kakitangan atau pengguna yang dibenarkan mendaftar aset yang terdiri daripada harta modal dan inventori. Sistem akan menjana dan membenarkan pengguna untuk mencetak:

- KEW.PA-1 - Daftar Perselisihan Aset
- KEW.PA-2 - Daftar Harta Modal
- KEW.PA-3 - Daftar Inventori
- KEW.PA-4 - Senarai Daftar Harta Modal (Dijana Secara Auto).
- KEW.PA-5 - Senarai Daftar Inventori (Dijana Secara Auto).
- KEW.PA-8 - Laporan Tahunan Aset (Dijana Secara Auto).

2.4. MODUL PENEMPATAN

Semua kawalan dan rekod penempatan aset akan dikawal di dalam modul penempatan. Rekod-rekod yang melibatkan pemindahan lokasi atau pegawai bertanggungjawab akan direkodkan di dalam modul ini. Rekod ini melibatkan:

- KEW.PA-7 – Senarai Aset dilokasi

- KEW.PA-2 - Daftar Harta Modal | Bahagian Penempatan
- KEW.PA-3 - Daftar Inventori | Bahagian Penempatan

2.5. MODUL PERGERAKAN

Kawalan dan rekod pergerakan aset akan dikawal di dalam modul pergerakan. Rekod pergerakan ialah rekod aset yang berubah lokasi untuk tempoh yang singkat atau bukan penempatan tetap. Rekod pergerakan akan melibatkan:

- KEW.PA-6 - Daftar Harta Modal

2.6. MODUL PENYELENGGARAAN

Aset-aset yang diselenggara perlu direkodkan di dalam sistem SPA. Ia merangkumi aspek aduan kerosakan peralatan, proses kelulusan pembaikan, daftar penyelenggaraan pembaikan, pengurusan komponen dan aksesori aset, pengurusan penambahan dan naiktaraf dan senarai aset perlu penyelenggaraan. Kad kawalan terbabit ialah:

- KEW.PA-2 - Daftar komponen, naiktaraf dan penambahbaikan | Bahagian B
- KEW.PA-9 - Daftar aduan kerosakan peralatan
- KEW.PA-13 - Senarai Aset perlu penyelenggaraan.
- KEW.PA-14 - Daftar penyelenggaraan pembaikan

2.7. MODUL PEMERIKSAAN

Setiap aset yang didaftarkan wajib diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun. Task dan rekod pemeriksaan perlu direkodkan di dalam modul ini. Antara borang yang akan terlibat ialah:

- KEW.PA-10 - Laporan pemeriksaan harta modal
- KEW.PA-11 - Laporan pemeriksaan inventori.
- KEW.PA-12 - Laporan tahunan pemeriksaan aset.

2.8. MODUL PELUPUSAN

Semua proses pelupusan aset yang telah didaftarkan perlu melalui proses di dalam sistem SPA. Proses bermula dari persediaan dokumen, syor lembaga pemeriksa dan proses kelulusan.

Borang-borang yang akan terlibat ialah:

- KEW.PA-15 - Pelantikan Lembaga Pemeriksa
- KEW.PA-16 - Sijil Perakuan Pelupusa (PEP).
- KEW.PA-17 - Laporan Lembaga Pemeriksa.
- KEW.PA-18 - Sijil penyaksian pelupusan
- KEW.PA-19 - Sijil pelupusan
- KEW.PA-20 - Laporan tahunan pelupusan
- KEW.PA-21 - 23 - Proses sebutharga pelupusan
- KEW.PA-24 - 26 - Proses tender pelupusan
- KEW.PA-27- 27A - Proses lelong pelupusan.

2.9. MODUL KEHILANGAN

Semua proses kehilangan dan hapuskira aset yang telah didaftarkan perlu melalui proses di dalam sistem SPA. Proses bermula dari laporan awal sehingga kepada proses hapuskira.

- KEW.PA-28 - Laporan Awal kehilangan
- KEW.PA-29 - Surat perlantikan Pegawai PEnyiasat.
- KEW.PA-30 - Laporan Akhir Kehilangan.
- KEW.PA-31 - Laporan Hapuskira.

2.10. LAPORAN

Semua laporan dan keperluan pengurusan yang akan dibawa kepada mesyuarat JKPAK sukuan dan tahunan Jabatan dan Kementerian.

3. FUNGSI BUTANG UTAMA.

IKON	BUTANG SISTEM	PENERANGAN
	Butang Carian	Digunakan untuk mencari pembekal, gambar aset dan lokasi yang telah didaftarkan.
	Butang Daftar Baru	Digunakan untuk daftar baru bagi pembekal, gambar dan lokasi .
	Butang Perlantikan	Digunakan untuk membuat perlantikan pegawai bertanggungjawab, pegawai penempatan semasa, pegawai penyelenggara, pegawai pemeriksa.
	Butang Kemaskini	Digunakan untuk mengubah data yang telah direkodkan. Sila klik butang edit sekiranya ingin mengubah data yang telah direkodkan.
	Butang Hapus	Digunakan untuk memadam data yang direkodkan.
	Butang Pengesahan Rekod	Digunakan untuk mengesahkan rekod yang didaftarkan adalah benar.
	Butang Tarikh	Digunakan untuk memilih bila tarikh pembelian aset, penerimaan aset, perlantikan pegawai bertanggungjawab dan pegawai penempatan semasa.
	Butang Perlantikan dan lokasi	Digunakan untuk memilih pegawai dan lokasi penempatan semasa.
	Butang Paparan	Digunakan untuk melihat paparan rekod.
	Butang log masuk	Digunakan untuk log masuk sistem.
	Butang Admin	Digunakan oleh pentadbir MyAsset / admin MyAsset.
	Butang Konfigurasi	Digunakan untuk membuat setting profail pengguna
	Butang Utama	Digunakan untuk ke halaman utama.
	Butang Keluar	Digunakan untuk log keluar sistem
	Butang Menu	Digunakan untuk menyembunyikan dan memaparkan menu
	Butang Sebelum	Digunakan untuk ke halaman sebelum
	Butang Selepas	Digunakan untuk ke halaman selepas
	Butang Cetak	Digunakan untuk mencetak laporan
	Butang Pengguna	Digunakan untuk mencari pengguna, menambah pengguna, melantik pengguna dan mengaktifkan pengguna
	Butang Pengguna Latihan	Digunakan untuk melantik pengguna latihan bagi tujuan latihan penggunaan sistem.
	Butang Organisasi	Digunakan untuk membuat penambahan cawangan dalam organisasi.
	Butang Email	Digunakan untuk mengaktifkan email server dalam sistem MyAsset.
	Butang Kumpulan Pengguna	Digunakan untuk menambah modul dalam kumpulan pengguna.
	Butang Konfigurasi Modul	Digunakan untuk membuat konfigurasi Modul dan Sub Modul
	Butang Paparan Kandungan	Digunakan untuk melihat tarikh lahir pengguna, konfigurasi ringkasan data, melantik pengguna luar
	Butang Rekod Padam	Digunakan untuk memantau rekod aset yang telah dipadamkan dan log pengguna

BAB B - PENTADBIR SPA

1. APA YANG PERLU ANDA FAHAMII DAN PELAJARI DARIPADA MODUL ADMIN:

- Fungsi dan Tanggungjawab Pentadbir
- Konfigurasi Pentadbir
- Rekod Pengguna
- Kumpulan Capaian Pengguna
- Rekod Organisasi
- Pengurusan Kod | Kod Lokasi
- Pengurusan Kod | Kod Klasifikasi Aset
- Mod Latihan
- Pengesahan Data Yang Telah Dipadam
- Rekod Pembekal

2. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB PENTADBIR

Didalam sistem SPA ini terdapat dua kategori Pentadbir Sistem SPA iaitu :

- Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan (super admin)
- Pentadbir Cawangan SPA
- Pegawai Pengesahan Daftar Aset
- Pentadbir Penyelenggaraan
- Pentadbir Pemeriksaan
- Pentadbir Pelupusan
- Pentadbir Kehilangan

Maklumat	Capaian	Pentadbir
Pentadbir		
<input type="checkbox"/> Pentadbir Sistem SPA	<input type="checkbox"/> Tanda Untuk Pentadbir Di Cawangan Sahaja	
<input type="checkbox"/> Pentadbir Stor		
<input type="checkbox"/> Pentadbir HelpDesk		
<input type="checkbox"/> Pegawai Pengesahan Daftar Aset	Aset di bahagian penempatan pengguna di cawangannya <input checked="" type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Pentadbir Penyelenggaraan		
<input type="checkbox"/> Pegawai Penempatan	Aset di bahagian penempatan pengguna di cawangannya <input checked="" type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Pentadbir Pemeriksaan		
<input type="checkbox"/> Pentadbir Pelupusan		
<input type="checkbox"/> Pentadbir Kehilangan (hanya barang di cawangan beliau sahaja)		
<input type="checkbox"/> Eksekutif SPA (e-SPA)		

2.1. Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan.

Fungsi dan tanggungjawab Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan ('super admin') di dalam sistem SPA adalah seperti berikut;

Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan

"Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan" merupakan pentadbir tertinggi yang mengurus sistem ini. "Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan" boleh terdiri dari satu orang atau sekumpulan pegawai yang mempunyai akses penuh terhadap sistem ini. Ia bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaksanaan dan keselamatan sistem SPA dan diberi kuasa:-

- 2.1.1. Melantik dan juga membatalkan pelantikan "Super Admin/ Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan"
- 2.1.2. Melantik dan juga membatalkan pelantikan "Pentadbir Sistem SPA Cawangan"
- 2.1.3. Memberi dan juga membatalkan kuasa laluan (akses) kepada mana-mana pegawai dan kakitangan untuk menggunakan sistem ini.
- 2.1.4. Menentukan peringkat laluan yang dibenarkan kepada mana-mana pegawai dan kakitangan yang diberi laluan menggunakan sistem ini.
- 2.1.5. Berkuasa mengubah, menambah dan mambatalkan transaksi dan maklumat di dalam sistem ini.
- 2.1.6. Menjaga keselamatan, kesihihan dan kebolehpercayaan maklumat di dalam sistem ini.

2.2. Pentadbir Sistem SPA Cawangan

Fungsi dan tanggungjawab Pentadbir Sistem SPA Cawangan di dalam sistem SPA adalah seperti berikut;

Pentadbir Sistem SPA Cawangan

“Pentadbir Sistem SPA Cawangan” merupakan pentadbir tertinggi dicawangannya yang mengurus sistem ini. “Pentadbir Sistem SPA Cawangan” boleh terdiri dari satu orang atau sekumpulan pegawai yang mempunyai akses dicawangannya terhadap sistem ini. Ia bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaksanaan dan keselamatan sistem SPA dan diberi kuasa:-

- 2.2.1. Melantik dan juga membatalkan pelantikan “Pentadbir Sistem SPA Cawangan”
- 2.2.2. Memberi dan juga membatalkan kuasa laluan (akses) kepada mana-mana pegawai dan kakitangan dicawangannya untuk menggunakan sistem ini.
- 2.2.3. Menentukan peringkat laluan yang dibenarkan kepada mana-mana pegawai dan kakitangan dicawangannya yang diberi laluan menggunakan sistem ini.
- 2.2.4. Berkuasa mengubah, menambah dan membatalkan transaksi dan maklumat dicawangannya di dalam sistem ini.
- 2.2.5. Menjaga keselamatan, kesihihan dan kebolehpercayaan maklumat di dalam sistem ini.

2.3. Pegawai Pengesahan Daftar Aset

Fungsi dan tanggungjawab Pegawai Pengesahan Daftar Aset di dalam sistem SPA adalah seperti berikut; “Pegawai Pengesah” merupakan individu atau sekumpulan individu yang mempunyai laluan dan kuasa untuk mengesahkan maklumat aset alih yang didaftar oleh kerani aset. Ia bertanggungjawab dan di beri kuasa untuk :-

- 2.3.1. Membuat semakan kepada data dan aset yang didaftarkan.
- 2.3.2. Boleh membuat kemaskini dan memadam data yang telah dimasukkan oleh Kerani aset
- 2.3.3. Memastikan data dimasukkan adalah benar dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan
- 2.3.4. Pegawai yang dilantik juga berhak membuat kemaskini dan memadam rekod yang telah disahkan.
- 2.3.5. Pegawai boleh dilantik mengikut bahagian, cawangan atau keseluruhan kawalan.

2.4. Pentadbir Penyelenggaraan

Fungsi dan tanggungjawab Pentadbir Penyelenggaraan di dalam sistem SPA adalah seperti berikut; “Pegawai penyelenggaraan” merupakan individu atau sekumpulan individu yang mempunyai laluan dan kuasa untuk mengemaskini. Ia bertanggungjawab dan di beri kuasa untuk :-

- 2.4.1. Membuat kemaskini rekod penyelenggaraan kepada aset yang dipertanggungjawab ke atasnya.
- 2.4.2. Membuat cetakan rekod penyelenggaraan di kad KEW.PA-14
- 2.4.3. Membuat pengistiharan dan pengumpulan data kepada aset-aset yang perlu penyelenggaraan (KEW.PA-13).
- 2.4.4. Merekod aduan kerosakan peralatan (KEW.PA-9).
- 2.4.5. Pegawai boleh dilantik mengikut bahagian, cawangan atau keseluruhan kawalan.

2.5. Pentadbir Pemeriksaan

Fungsi dan tanggungjawab Pentadbir Pemeriksaan di dalam sistem SPA adalah seperti berikut; “Pegawai pemeriksa” merupakan individu atau sekumpulan individu yang mempunyai laluan dan kuasa untuk mengemaskini. Ia bertanggungjawab dan di beri kuasa untuk :-

- 2.5.1. Membuat kemaskini rekod pemeriksaan kepada aset
- 2.5.2. Mengemaskini laporan KEW.PA-10, KEW.PA-11 dan KEW.PA-12
- 2.5.3. Membuat pemeriksaan aset sekurang-kurangnya setahun sekali.

2.6. Pentadbir Pelupusan dan Kehilangan.

Fungsi dan tanggungjawab Pentadbir Pelupusan di dalam sistem SPA adalah seperti berikut "Admin pelupusan merupakan urusetia pelupusan yang mempunyai laluan dan kuasa mengemaskini rekod pelupusan aset. Ia bertanggungjawab dan di beri kuasa untuk :-

- 2.6.1. Mengumpul dan menyediakan senarai aset untuk tujuan pelupusan.
- 2.6.2. Menyediakan dokumen-dokumen berkaitan pelupusan.
- 2.6.3. Menyediakan dan mengemaskini dokumen laporan Lembaga Pemeriksa.
- 2.6.4. Mengemaskini keputusan pelupusan
- 2.6.5. Menerima dan merekod laporan kehilangan.
- 2.6.6. Menyediakan laporan awal dan laporan akhir kehilangan.
- 2.6.7. Mengemaskini semua dokumen yang berkaitan kehilangan.
- 2.6.8. Mengemaskini keputusan hapuskira.
- 2.6.9. Kuasa melulus mengikut kepada peraturan PU.197

3. KONFIGURASI PENTADBIR

3.1. Pentadbir sistem SPA adalah pegawai yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir sistem SPA.

Pentadbir sistem SPA perlu membuat kawalan dan pengurusan kepada modul Pentadbir. Pentadbir sistem SPA boleh diklasifikasikan kepada dua jenis pentadbir iaitu:

- 3.3.1. Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan.
- 3.3.2. Pentadbir Sistem SPA Cawangan


3.2. Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan (super admin)

Berikut adalah sub modul yang terdapat bagi Pentadbir Sistem SPA untuk mengawal perjalanan sistem:

IKON	KETERANGAN IKON	FUNGSI
	Modul Rekod Pengguna	Digunakan untuk tambah pengguna baru, kemaskini maklumat pengguna dan padam maklumat pengguna
	Modul Latihan Pengguna	Digunakan untuk tambah pengguna sedia ada ke dalam mod latihan menggunakan data sedia ada.
	Modul Organisasi	Digunakan untuk membuat penambahan, kemaskini dan padam maklumat cawangan dan bahagian
	Email Setting	Digunakan untuk membuat setting email server.
	Modul Kumpulan Pengguna	Digunakan untuk tambah, kemaskini dan padam kumpulan pengguna.
	Modul Paparan Kandungan	Digunakan untuk kemaskini konfigurasi penghantaran data dan konfigurasi ringkasan data
	Pengesahan Data yang dipadam	Digunakan untuk pemantauan dan mengesahkan bagi rekod yang telah dipadam.

Bagi modul Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan anda bolehlah mengikut aliran kerja dan langkah-langkah berikut:

3.3. Aliran Kerja bagi Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan



3.4. Langkah-langkah bagi menggunakan modul Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan adalah seperti berikut:

- Langkah 1 Log Masuk ke dalam sistem dengan id pengguna dan kata laluan
- Langkah 2 Pilih Modul Admin 

3.5. Pentadbir Sistem SPA Cawangan

PERHATIAN

Pentadbir sistem SPA di peringkat cawangan hanya dibenarkan untuk mengemaskini maklumat kakitangan, pengguna, maklumat cawangan dan pengguna di didalam mod latihan di cawangannya sahaja.

3.6. REKOD PENGGUNA


- 3.6.1. Bagi modul rekod pengguna ianya dikawal selia sepenuhnya oleh pentadbir sistem SPA. Skop kerja dan langkah-langkah adalah seperti berikut:



Klik butang ini untuk mengemaskini maklumat kakitangan dan pengguna sistem SPA.

- 3.6.2. Skop Kerja
- Membuat penambahan kepada rekod pengguna yang baru
 - Membuat kemaskini rekod pengguna
 - Memadamkan maklumat rekod pengguna yang telah berpencen atau tamat perkhidmatan.

- 3.6.3. Aliran Kerja bagi rekod pengguna



3.6.4. Rekod Pengguna Baru

Langkah-langkah bagi rekod pengguna adalah seperti berikut:

- Langkah 1 Log Masuk ke sistem dengan memasukkan id pengguna dan kata laluan
Langkah 2 Pilih Modul Admin
Langkah 3 Pilih Rekod Pengguna
Langkah 4 Klik Tambah bagi membuat tambahan kepada rekod pengguna baru
1. Sila pilih maklumat negeri, daerah, cawangan dan bahagian pengguna baru
2. Rekodkan maklumat Nama, Jawatan, Nombor Kad pengenalan, nombor telefon, email
3. Rekodkan Login id, kata laluan dan pengesahan kata laluan bagi pengguna yang diberikan kebenaran untuk capaian menggunakan sistem SPA.
4. Sila pilih Kumpulan Capaian Pengguna (Sila Rujuk Modul 4 Kumpulan Capaian Pengguna)
Langkah 5 Klik butang Masuk untuk selesai pendaftaran rekod pengguna.

Kemaskini Maklumat Pengguna

Negeri	16 - Wilayah Persekutuan Putrajaya	Lokasi	
Daerah	01 - Putrajaya		
Cawangan	01 - Ibu Pejabat KDRM		
Bahagian	08 - BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT		
No. Pekerja	D23232		
Nama	ABD MANAF b ABD GHANI		
Jawatan	PENOLONG KANAN PENGARAH KASTAM II	Taraf Perkhidmatan	Kontrak
No. K/P Baru	cth:(840821015720)	No. K/P Lama / Tentera / Polis	
Gambar / Foto	blank.bmp		
No. Telefon Bimbit	cth:(019-6642021)		
No. Pejabat	cth:(03-66420221)		
No. Fax	cth:(03-66420221)		
EMail			
Login ID	manaf	Menu Utama	SPA
Kata Laluan			
Pengesahan Kata Laluan			
Akses Carian Aset	Sebauh asset di semua cawangan		

BATAL KEMASKINI

3.6.5. Kemaskini Rekod Pengguna

Bagi rekod kakitangan, sekiranya berlaku perubahan maklumat kakitangan, pentadbir sistem bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengemaskini maklumat pengguna. Kemaskini rekod pengguna dilakukan apabila pengguna berpindah bahagian atau bertukar jawatan. Berikut adalah langkah-langkah untuk mengemaskini maklumat pengguna.

- Langkah 1 Log Masuk ke sistem dengan memasukkan id pengguna dan kata laluan
Langkah 2 Pilih Modul Admin
Langkah 3 Pilih Rekod Pengguna
Langkah 4 Klik negeri, daerah, cawangan atau bahagian sekiranya ada perubahan maklumat tersebut.
Langkah 5 Taipkan nama pengguna pada ruangan carian, hasil carian pengguna akan dipaparkan
Langkah 6 Klik butang pensil bagi membuat kemaskini kepada rekod pengguna sedia ada
Langkah 7 Klik butang kemaskini jika selesai proses kemaskini maklumat pengguna.

3.6.6. Padam Rekod Pengguna

Sekiranya berlaku perubahan maklumat pengguna pentadbir sistem bertanggungjawab sepenuhnya untuk memadam maklumat pengguna. Memadam rekod pengguna perlu dilakukan apabila pegawai bertukar jabatan lain atau telah tamat perkhidmatan. Ini memastikan rekod pengguna adalah data terkini. Berikut adalah langkah-langkah untuk memadam maklumat pengguna.

- | | |
|-----------|--|
| Langkah 1 | Log Masuk ke sistem dengan memasukkan id pengguna dan kata laluan |
| Langkah 2 | Pilih Modul Admin |
| Langkah 3 | Pilih Rekod Pengguna |
| Langkah 4 | Taipkan nama pengguna pada ruangan carian, hasil carian pengguna akan dipaparkan |
| Langkah 5 | Klik butang pangkah bagi memadam pengguna sedia ada |

PERHATIAN : Sebelum memadam maklumat pengguna sila pastikan tiada aset pada pengguna tersebut. Sekiranya terdapat aset pada pengguna tersebut sila buat penempatan aset pada pengguna baru terlebih dahulu.

3.7. KUMPULAN CAPAIAN PENGGUNA

- 3.7.1. Hanya Pentadbir Sistem SPA Keseluruhan (Super Admin) yang dilantik sahaja diberikan kebenaran dan tanggungjawab sepenuhnya untuk tambah, kemaskini atau padam maklumat kumpulan capaian pengguna. Kumpulan Capaian Pengguna adalah bagi memastikan modul-modul yang dibenarkan bagi capaian kepada kumpulan pengguna.

Contoh Kumpulan Pengguna yang telah didaftarkan.

NO.	KUMPULAN PENGGUNA	MODUL YANG DICAPAI
1.	Capaian Luar	SPA: Carian Aset dan Laporan
2.	Eksekutif	e- SPA: Laporan Aset, Laporan Stor, Proses Pelupusan, Laporan Pelupusan, Pemantauan Aset, Laporan Kehilangan, Proses Kehilangan dan Mesyuarat JKPAK
3.	Kawalan Stor	SPS: Kawalan Stok, Laporan Tahunan Stor, Penerimaan Barang, Laporan Tetap, Lejar (Edit Rekod) dan Verifikasi Stok
4.	Kerani	SPA: Daftar Aset, Carian Aset, Rekod Pembekal, Laporan SPS: Permohonan Barang
5.	Pegawai Atasan	SPA: Carian Aset, Laporan, Laporan Keseluruhan, SPS: Laporan Tahunan Stor
6.	Pegawai Kewangan	SPA: Carian Aset, Pengurusan Kod Aset, Rekod Pembekal, Daftar Aset, Laporan, Pemeriksaan Aset, Penyelenggaraan, Susut Nilai Aset, Penempatan dan Pergerakan Aset e- SPA: Laporan Aset, Laporan Stor, Proses Pelupusan, Laporan Pelupusan, Pemantauan Aset, Laporan Kehilangan, Proses Kehilangan dan Mesyuarat JKPAK
7.	Pegawai Stor	SPS: Kawalan Stok, Laporan Tahunan Stor, Permohonan Barang, Lantik Penyelenggara, Senarai Permohonan, Laporan Stor, Pengurusan Kod Stor, Verifikasi Stok dan Lejar (Edit Rekod)
8.	Pemverifikasi Stok	SPS: Verifikasi Stok
9.	Pengguna	SPA: Carian Aset SPS: Permohonan Barang

NO.	KUMPULAN PENGGUNA	MODUL YANG DICAPAI
10.	Penyelenggara Stor	SPA: Carian, Laporan, Rekod Pembekal, SPS: Kawalan Stok, Laporan Tetap, Lejar dan Pengeluaran Barang
11.	Perolehan & Agihan	SPA: Daftar Perolehan
12.	Unit Agihan / Penempatan	SPA: Carian Aset, Penempatan, Laporan
13.	Unit Audit	SPA: Carian Aset, Pemeriksaan Aset, Penyelenggaraan Laporan, Laporan Keseluruhan, Pergerakan Aset, Pelupusan Aset SPS: Kawalan Stok dan Laporan Stor
14.	Unit Pelupusan	SPA: Kehilangan Aset dan Pelupusan Aset
15.	Unit Pemeriksaan	SPA: Carian Aset, Laporan dan Pemeriksaan Aset
16.	Unit Penyenggaraan	SPA: Carian Aset, Laporan, Rekod Pembekal dan Penyelenggaraan

3.7.2. Langkah-langkah penggunaan bagi kumpulan pengguna adalah seperti berikut:

- Langkah 1 Klik Modul Pentadbir | Admin
- Langkah 2 Klik Kumpulan Pengguna
- Langkah 3 Klik Tambah bagi menambah modul kumpulan capaian pengguna yang baru.
- Langkah 4 Klik gambar pensil untuk kemaskini kumpulan capaian pengguna
- Langkah 5 Klik  untuk memadam kumpulan capaian pengguna yang tidak diperlukan.

3.8. KONFIGURASI ORGANISASI

3.8.1. Pendaftaran dan Kemaskini Organisasi.

Organisasi di dalam sistem SPA adalah data yang menyimpan maklumat mengenai cawangan dan bahagian di cawangan. Di mana sistem akan menyimpan maklumat kod cawangan dan kod bahagian yang didaftarkan. Rekod Organisasi perlu dikemaskini apabila berlakunya perubahan pada maklumat organisasi dan bahagian di jabatan atau di kementerian.



Klik Butang ini untuk menambah dan mengemaskini rekod Organisasi atau Bahagian.

PENTING | Maklumat perlu tepat dan dikemaskini untuk mengelakkan kesukaran untuk mendapatkan laporan pada masa hadapan.

3.8.2. Langkah-langkah bagi mengemaskini organisasi adalah seperti berikut.

- Langkah 1 Klik butang kemaskini organisasi seperti di atas.
- Langkah 2 Klik butang pensil seperti ditandakan di bawah
- Langkah 3 Paparan di Bawah akan dipaparkan untuk mengemaskini maklumat sektor @ bahagian di cawangan tersebut.

- Langkah 4 Klik butang tambah untuk menambah.
- Langkah 5 Klik dua kali di nama bahagian untuk mengemaskini maklumat bahagian.

3.9. MOD LATIHAN

3.9.1. Pendaftaran dan Kemaskini Pengguna dalam mod latihan.

Fungsi utama sub modul ini ialah melantik pengguna-sengguna sistem SPA di dalam mod latihan.



Klik Butang ini untuk menambah dan mengemaskini rekod pengguna dalam mod latihan

3.9.2. Langkah-langkah bagi memindahkan pengguna daripada mod biasa kepada mod latihan adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------|--|
| Langkah 1 | Klik Modul Admin |
| Langkah 2 | Klik tambah pengguna latihan |
| Langkah 3 | Pilih pengguna yang hendak diberikan akses. |
| Langkah 4 | Klik salin maklumat pendua. |
| Langkah 5 | Klik salin semua rekod semasa ke dalam database latihan. |
| Langkah 6 | Klik salin rekod pengguna latihan terkini sahaja. |

PERHATIAN | Pastikan anda telah membuat konfigurasi kepada pengguna tersebut sebelum langkah 3 ke langkah 6 dilakukan.

3.10. PENGESAHAN DATA YANG TELAH DIPADAM

Pengesahan data yang telah dipadam adalah untuk tujuan pemantauan dan kemaskini maklumat yang telah dipadam oleh pegawai yang dibenarkan. Hanya pentadbir yang dilantik sahaja yang dibenarkan dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada rekod yang telah dipadam.

3.10.1. Pengesahan Data Yang Telah Dipadam bagi Harta Modal

Pengesahan data yang telah dipadam bagi harta modal adalah bertujuan untuk membuat pemantauan kepada rekod harta modal yang telah dipadam oleh pengguna. Hanya Pentadbir sistem SPA boleh membuat kepada rekod yang telah dipadam.

3.10.2. Langkah-langkah bagi rekod harta yang telah dipadam adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------|--|
| Langkah 1 | Klik Modul Pentadbir Sistem Admin |
| Langkah 2 | Klik Pengesahan Data yang telah dipadam |
| Langkah 3 | Klik Harta Modal. Angka disebelah menunjukkan bilangan rekod harta modal yang telah dipadam oleh pengguna. |
| Langkah 4 | Pentadbir Sistem boleh klik butang untuk paparan kepada rekod yang telah dipadam. |
| Langkah 5 | Klik butang untuk dimasukkan semula kedalam sistem kepada rekod yang telah dipadam. |
| Langkah 6 | Klik butang untuk memadamkan senarai rekod yang telah dipadam. |

3.10.3. Pengesahan Data Yang Telah Dipadam bagi Inventori

Pengesahan data yang telah dipadam bagi inventori adalah bertujuan untuk membuat pemantauan kepada rekod inventori yang telah dipadam oleh pengguna. Hanya Pentadbir sistem SPA boleh membuat kepada rekod yang telah dipadam.

Langkah yang sama seperti di dalam perkara 3.12.2. perlu diambil untuk memadam, memasukkan semula dan melihat aset inventori.

3.11. SALINAN PENDU

Pentadbir boleh menggunakan modul Salinan Pendua bagi membuat salinan data sistem SPA.

3.11.1. Langkah-langkah bagi penggunaan salinan pendua adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------|---|
| Langkah 1 | Klik Modul Pentadbir |
| Langkah 2 | Klik Pengesahan data yang telah dipadam |
| Langkah 3 | Klik Salinan Pendua |

3.12. LOG SISTEM


Pentadbir boleh melihat log sistem.



Butang Log Sistem.

3.12.1. Langkah-langkah bagi melihat log sistem adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------|---|
| Langkah 1 | Klik Modul Pentadbir |
| Langkah 2 | Klik Log Sistem
Transaksi sistem akan dipaparkan.
Administrator boleh melihat tindakan transaksi dengan memilih Insert Update delete.
Paparan akan menunjukkan transaksi seperti yang dipilih. |
| Langkah 3 | Klik Pengguna Aktif untuk melihat pengguna yang aktif. |



Halaman 1 dari 67			<input checked="" type="checkbox"/> Pengguna Aktif <input type="checkbox"/> Laporan / Arkib	
		Cari <input type="checkbox"/> Reset	ReclInfo	Oleh
Tindakan	Maklumat	ReclInfo	Oleh	
Semua ▾		ReclInfo	Oleh	
1. Insert	Login Success : admin (PEGAWAI ASET)		SAIPULBAHRI BIN HASAN	
2. Insert	Login Success : ADMIN (PEGAWAI ASET)		SAIPULBAHRI BIN HASAN	
3. Insert	Login Success : admin (PEGAWAI ASET)		SAIPULBAHRI BIN HASAN	

4. PENGURUSAN KOD.

Pengurusan kod di dalam sistem SPA terbahagia kepada dua bahagian iaitu:


- Pengurusan Kod Lokasi.
- Pengurusan Klasifikasi Kod.

4.1. KOD LOKASI

4.1.1. Pendaftaran Kod Lokasi Penempatan Aset.

Kod lokasi penempatan perlu direkodkan bertujuan untuk urusan penempatan aset.

4.1.2. Aliran Kerja bagi Pengurusan Kod Lokasi



4.1.3. Langkah-langkah untuk merekod kod lokasi adalah seperti berikut::

Langkah 1 Klik butang Pengurusan Kod.



Langkah 2 Klik Daftar Kod

Langkah 3 Klik butang senarai pada ruangan kod lokasi

Langkah 4 Pilih Negeri, Daerah dan Cawangan

Langkah 5 Pilih bangunan

Langkah 6 Pilih Tingkat

Langkah 7 Rekodkan kod lokasi baru pada ruangan kod lokasi

Langkah 8 Rekodkan nama lokasi baru pada ruangan diskripsi

Langkah 9 Klik butang tambah bagi menambah kod lokasi baru

The screenshot shows a table with columns 'Kod Lokasi' and 'Diskripsi'. The table contains 9 rows of location data. To the right of the table is a search/filter panel titled 'Carian / Paparan' with dropdowns for Negeri (16 - Wilayah Persekutuan Putrajaya), Daerah (01 - Putrajaya), and Cawangan (01 - Ibu Pejabat KDRM). Below these are checkboxes for 'Bangunan' and 'Luar Bangunan', a radio button for 'Semua Kod Lokasi', and a search bar labeled 'Diskripsi' with 'Cari', 'Reset', and 'Tambah' buttons.

	Kod Lokasi	Diskripsi	
1.	160101 / KAW / B0001	PARKING	
2.	160101 / BGN / HS / 01 / B01	BILIK PEGAWAI 1	
3.	160101 / BGN / HS / 01 / B02	BILIK STOR 1	
4.	160101 / BGN / HS / 01 / B03	BILIK PEGAWAI 2	
5.	160101 / BGN / HS / 01 / B04	BILIK PEGAWAI 3	
6.	160101 / BGN / HS / 01 / B05	BILIK PEGAWAI 4	
7.	160101 / BGN / HS / 01 / B06	BILIK PEGAWAI 5	
8.	160101 / BGN / HS / 01 / B07	BILIK PEGAWAI 6	
9.	160101 / BGN / HS / 01 / B08	BILIK PEGAWAI 7	

Langkah-langkah |

1. Pilih Bangunan atau kawasan.
2. Jika bangunan pilih blok dan tingkat
3. Masukkan kod lokasi dan keterangan lokasi.
4. Klik Butang tambah.

Berikut adalah contoh bagi kod lokasi

Didalam Bangunan | Kod bagi bilik mesyuarat ialah: 160101| BGN|WP|01|A01-001

KOD CAWANGAN	JENIS LOKASI	KOD BANGUNAN	KOD TINGKAT	KOD LOKASI
A-H-KK	BGN	B1	01	A01-001

Di Luar Bangunan | Kod bagi lot parking 001 ialah: 160101| KAW| A01-P001

KOD CAWANGAN	JENIS LOKASI	KOD LOKASI
A-H-KK	KAW	A01-P001

4.1.4. Kemaskini Kod Lokasi

Kod lokasi perlu dikemaskini jika berlaku perubahan maklumat lokasi

PERHATIAN |Jika anda mengemaskini kod lokasi sedia ada, kod lokasi lama akan di kemaskini secara auto. Namun begitu rekod lokasi penempatan lama di dalam KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 tidak akan berubah.

Langkah-langkah untuk kemaskini kod lokasi adalah seperti berikut:

- Langkah 1 Klik butang Pengurusan Kod.
- Langkah 2 Klik Daftar Kod
- Langkah 3 Klik butang senarai pada ruangan kod lokasi
- Langkah 4 Pilih Negeri, Daerah dan Cawangan
- Langkah 5 Pilih bangunan
- Langkah 6 Pilih Tingkat
- Langkah 7 Klik butang pensil untuk kemaskini kod lokasi
- Langkah 8 Klik butang kemaskini untuk simpan kod lokasi yang telah diubah

4.1.4.1. Padam Kod Lokasi

PERHATIAN |Rekod lokasi tidak boleh dipadam sekiranya terdapat aset yang masih ditempatkan di lokasi tersebut. Sila pastikan tiada aset pada kod lokasi yang hendak dipadam atau pindahkan aset pada penempatan baru sekiranya ada aset di lokasi yang hendak dipadam.

Langkah-langkah untuk kemaskini kod lokasi adalah seperti berikut:

- Langkah 1 Klik butang Pengurusan Kod.
- Langkah 2 Klik Daftar Kod
- Langkah 3 Klik butang senarai pada ruangan kod lokasi
- Langkah 4 Pilih Negeri, Daerah dan Cawangan
- Langkah 5 Pilih bangunan
- Langkah 6 Pilih Tingkat
- Langkah 7 Klik butang padam untuk memadam kod lokasi

4.2. PENGURUSAN KOD KLASIFIKASI ASET

Pengurusan kod klasifikasi aset dikawal sepenuhnya oleh Bahagian Kawalan dan Pemantauan Aset, Perbendaharaan Malaysia. Sebarang perubahan dan tambahan kod klasifikasi aset baru hendaklah membuat permohonan kepada Bahagian Kawalan dan Pemantauan Aset, Perbendaharaan Malaysia. Permohonan boleh dibuat melalui email iaitu di: sppa@treasury.gov.my

4.2.1. Pentadbir Kod Klasifikasi Aset di Kementerian | Jabatan

Hanya pentadbir kod klasifikasi aset yang dilantik sahaja boleh mengimport data kod klasifikasi aset.

4.2.2. Skop Kerja bagi Pentadbir Kod Klasifikasi Aset di Kementerian | Jabatan adalah seperti berikut:

- Mengimport data kod klasifikasi aset yang baru.
- Memohon penambahan kod klasifikasi aset yang baru di Bahagian Kawalan dan Pemantauan Aset, Perbendaharaan Malaysia melalui email : sppa@treasury.gov.my

Bagi penambahan kod klasifikasi aset anda bolehlah membuat tambahan melalui sistem SPA dengan mengikut aliran kerja dan langkah-langkah berikut:

4.2.3. Langkah-langkah bagi mengemaskini kod klasifikasi aset yang baru adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------|--|
| Langkah 1 | Log Masuk ke sistem dengan memasukkan id pengguna dan kata laluan |
| Langkah 2 | Pilih Modul Pengurusan Kod |
| Langkah 3 | Klik KodKlasifikasi Aset. |
| Langkah 4 | Klik Senarai. |
| Langkah 5 | Klik import dari fail text. |
| Langkah 6 | Klik Browse untuk download kod aset SPA dari pada fail yang anda telah download. |
| Langkah 7 | Klik fail tersebut untuk upload kod aset SPA |
| Langkah 8 | Kod aset yang baru akan dijana |

5. MAKLUMAT PEMBEKAL

Modul Rekod pembekal digunakan untuk mendaftar maklumat pembekal baru, kemaskini maklumat pembekal sedia ada dan padam maklumat pembekal.

5.1. Rekod Pembekal Baru

5.1.1. Langkah-langkah bagi merekodkan maklumat pembekal baru adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------|--|
| Langkah 1 | Log Masuk ke sistem dengan memasukkan id pengguna dan kata laluan |
| Langkah 2 | Pilih Modul Rekod Pembekal |
| Langkah 3 | Pilih submodul Daftar Pembekal bagi merekodkan maklumat pembekal baru.
Maklumat yang perlu direkodkan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none">▪ Nama Pembekal / Syarikat▪ Email pembekal▪ Lesen Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (sekiranya ada)▪ Website pembekal (sekiranya ada)▪ Nombor Telefon▪ Nombor Fax▪ Alamat pembekal▪ Status Pembekal bumiputera @ bukan bumiputera▪ Jenis Kerja▪ Maklumat Personel Pembekal |
| Langkah 4 | Klik Simpan untuk menyimpan maklumat pembekal. |

5.2. Carian Pembekal

5.2.1. Langkah-langkah untuk membuat carian pembekal yang telah direkodkan adalah seperti berikut:

Langkah 1	Log Masuk ke sistem dengan memasukkan id pengguna dan kata laluan
Langkah 2	Pilih Modul Rekod Pembekal
Langkah 3	Pilih submodul Carian Pembekal bagi carian maklumat pembekal telah direkodkan.
Langkah 4	Taipkan nama pembekal dalam ruangan carian dan klik cari
Langkah 5	Senarai Carian pembekal dipaparkan
Langkah 6	Klik butang paparan rekod untuk melihat maklumat pembekal
Langkah 7	Klik Cetakan Maklumat Pembekal bagi mencetak maklumat pembekal
Langkah 8	Klik Kembali apabila selesai mencetak
Langkah 9	Klik butang Ubah rekod bagi mengemaskini maklumat pembekal
Langkah 10	Rekodkan maklumat pembekal yang hendak dikemaskini
Langkah 11	Klik Kemaskini.

6. SUSUT NILAI ASET

Merekodkan kaedah susut nilai aset. Penentuan kaedah susut nilai adalah mengikut kepada yang telah ditetapkan oleh pihak Perbendaharaan

6.1. Kadar pengiraan susut niali akan mengikut kepada

- a. Peratus Susut Nilai Tahunan
- b. Jumlah Susut Nilai Setahun
- c. Kadar Pengiraan Terus.

BAB C - PENDAFTARAN DAN CARIAN ASET

1. PENDAFTARAN ASET.

Pendaftaran Aset terbahagi kepada dua kaedah iaitu pendaftaran aset melaui:

- Modul Daftar Aset
- Modul Pendaftaran Perolehan

2. MODUL DAFTAR ASET

2.1. PENGENALAN

DEFINASI

Aset bermaksud harta benda kepunyaan atau milikan atau di bawah kawalan Kerajaan yang dibeli atau yang disewa beli dengan wang Kerajaan, yang diterima melalui sumbangan atau hadiah atau diperolehi melalui proses perundangan.

ASET ALIH bermaksud aset yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain termasuk aset yang dibekalkan atau dipasang bersekali dengan bangunan.

ASET ALIH terbahagi kepada dua (2) kumpulan iaitu:-

HARTA MODAL

Aset Alih yang harga perolehan asalnya RM1,000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) dan ke atas setiap satu; **atau** Aset Alih yang memerlukan penyelenggaraan secara berjadual tanpa mengira harga perolehan asal.

Penyelenggaraan secara berjadual merujuk kepada aset yang memerlukan penyelenggaraan seperti yang telah disyaratkan di dalam manual | buku panduan pengguna.

INVENTORI

Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM1,000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) setiap satu dan tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual.

PERABOT, HAMPARAN, HIASAN, LANGSIR DAN PINGGAN MANGKUK tanpa mengira harga perolehan asal.

2.2. PENDAFTARAN ASET

Pendaftaran aset terbahagi kepada dua bahagian iaitu *Pendaftaran Harta Modal* dan *Pendaftaran Inventori*.


Sub Modul Terdapat didalam Daftar Aset

- Daftar Perselisihan
- Daftar Aset
- Senarai Di Rekod
- Senarai Disahkan Oleh Anda.

2.3. Tugas-tugas UTAMA semasa mendaftar aset:

- Dapatkan maklumat perolehan aset. (pesanan kerajaan, inbois dan nota penghantaran)
- Buat pengelasan kepada aset yang diterima mengikut kategori, sub kategori dan jenis aset.
- Pastikan aset itu daripada kumpulan aset Harta Modal atau Inventori.
- Daftar Aset dan komponen.
- Cetak KEW.PA-2 atau KEW.PA-3 dan label aset
- Cetak semula KEW.PA-7.
- Daftar rekod perselisihan KEW.PA-1 jika terdapat perselisihan.

ALIRAN PENDAFTARAN ASET.



2.4. DAFTAR PESELISIHAN

PERHATIAN | Rekod perselisihan hanya perlu direkodkan apabila hany berlaku perselisihan kepada aset yang diterima samaada dari kuantiti yang kurang diterima, spesifikasi tidak mengikut perolehan dan Kerosakan kepada aset yang diterima.

2.4.1. Langkah-langkah Pendaftaran Perselisihan.

- Langkah 1 Klik modul Daftar Aset
- Langkah 2 Klik Daftar Perselisihan
- Langkah 3 Klik daftar pmerhatian penerimaan aset seperti di bawah

<input checked="" type="checkbox"/> Daftar Pemerhatian Penerimaan Aset	<input checked="" type="checkbox"/> Arkib Pemerhatian Penerimaan Aset
Tahun	2008
Cari Pembekal / No. L.O	

Langkah 4 Masukkan maklumat perolehan seperti dibawah:

	RUANG YANG PERLU DIISI.	PENERANGAN
1	No. LO dan Tarikh LO	No Perolehan dan Tarikh perolehan dibuat
2	Pembekal , Alamat Pembekal dan No. Telefon	Nama Pembekal, alamat dan nombor telefon pembekal
3	Pegawai Penerima	Nama Pegawai penerima
4	Nama Ketua Jabatan	Nama Ketua Jabatan yang mengesahkan rekod
5	Tarikh Disahkan	Tarikh rekod didahkan

Langkah 5 Klik Daftar Perselisihan. Paparan di bawah akan dipaparkan

Langkah 6 Klik butang untuk merekod maklumat perselisihan.

Langkah 7 Kemaskini borang perselisihan. Dengan maklumat dibawah

	RUANG YANG PERLU DIISI.	PENERANGAN
1	Nota Hantar & Tarikh	No. Nota Hantar dan Tarikh Nota Hantar
2	Maklumat terimaan aset	Maklumat aset, kuantiti dipesan dan kuantiti diterima
3	Maklumat Tambahan	Perihal kerosakan dan catatan

Langkah 6 Klik simpan.

Langkah 7 Ulang langkah 6 jika terdapat 2 atau lebih jenis aset.

Langkah 8 Apabila anda selesai merekod perselisihan di dalam satu nota hantaran klik butang untuk mencetak borang KEW.PA-1

LAIN-LAIN FUNGSI.

Langkah 9 Klik butang pensel (sebaris dengan nama pembekal) untuk mengemaskini maklumat perolehan

Langkah 10 Klik butang pensel (sebaris dengan keterangan aset) untuk mengemaskini maklumat aset.

PERSELISIHAN DISELESAIKAN.

Langkah 11 Tandakan *check box* untuk menunjukkan perselisihan telah diatasi (bagi aset yang ditandakan).

Langkah 12 Klik butang apabila keseluruhan telah diselsaikan. Rekod akan dimasukkan ke dalam arkib.

Arkib Pemerhatian Penerimaan Aset

Langkah 11 Klik butang arkib untuk melihat rekod perselisihan mengikut tahun.

2.5. DAFTAR HARTA MODAL

2.5.1. Langkah-langkah bagi Pendaftaran Harta Modal adalah seperti berikut:

Langkah 1	Pilih menu daftar dan klik Daftar Aset .																
Langkah 2	Masukkan Kelas Aset diruangan carian kelas aset dan klik cari																
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Carian Kelas Aset</th> <th>Komputer</th> <th>CARI</th> <th>SEMULA</th> </tr> <tr> <th>Kod</th> <th>Kategori</th> <th>Sub Kategori</th> <th>Jenis</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1. 001002001</td> <td>PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT</td> <td>KOMPUTER</td> <td>KOMPUTER MEJA (DESKTOP)</td> </tr> <tr> <td>2. 001002002</td> <td>PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT</td> <td>KOMPUTER</td> <td>KOMPUTER RIBA (LAPTOP)</td> </tr> </tbody> </table>		Carian Kelas Aset	Komputer	CARI	SEMULA	Kod	Kategori	Sub Kategori	Jenis	1. 001002001	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	KOMPUTER	KOMPUTER MEJA (DESKTOP)	2. 001002002	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	KOMPUTER	KOMPUTER RIBA (LAPTOP)
Carian Kelas Aset	Komputer	CARI	SEMULA														
Kod	Kategori	Sub Kategori	Jenis														
1. 001002001	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	KOMPUTER	KOMPUTER MEJA (DESKTOP)														
2. 001002002	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	KOMPUTER	KOMPUTER RIBA (LAPTOP)														

- Langkah 3 Pilih kategori dan klik. Klik terus dan sahkan borang untuk daftar.
 Langkah 4 Daftarkan rekod harta modal pada borang KEW.PA-2.
 (Masukkan rekod seperti di dalam keperluan pada para 2.5.2.)
 Langkah 5 Sila klik simpan rekod untuk pengesahan apabila telah selesai membuat pendaftaran aset.
 Langkah 6 Jika anda ingin mendaftar untuk aset yang sama, sila klik butang **ok** untuk membuat pendaftaran seterusnya (Bagi Harta Modal).
 Sistem akan menyenaraikan rekod yang telah didaftarkan di dalam senarai didaftar oleh anda dan senarai menunggu pengesahan pegawai.

PERHATIAN | Pastikan kategori dipilih betul. Sistem tidak bleh mengemasin rekod kategori selepas data disimpan.

2.5.2. Sila rekodkan data yang berkenaan sebelum data disimpan untuk pengesahan

REKOD HARTA MODAL.

NO	RUANG YANG PERLU DIISI.	PENERANGAN
1	Perolehan	Kaedah perolehan aset melalui belian, sewa beli, hadiah, pindahan, lucut hak, tukar beli dan tukar barang.
2	Perolehan Secara	Pengguna perlu memilih Perolehan Secara Tender terbuka, tender tertutup, Sebutharga, Pebelian Terus dan e-Bidding.
3	Jenama dan Model	Taipkan Jenama barang yang didaftarkan. Contoh: PROTON PERDANA V6
4	Jenis dan No Enjin.	Jenis Enjin: Petrol Diesel NGV No. Enjin: SCV123DC
5	No. Casis Siri Pembuat	Masukkan No siri kepada barang tersebut. No siri ini dikeluarkan oleh pihak pengilang. Bagi kenderaan sila rekodkan nombor Casis.
6	No. Siri Pendaftaran	Taipkan No Siri pendaftaran - Jika kenderaan masukkan no pendaftaran JPJ. Jika barang lain masukkan no siri barang tersebut.
7	Kos RM	Taipkan Kos bagi setiap barang yang didaftarkan. (sila taipkan angka sahaja) Kos Seunit
8	Tarikh Beli	Tarikh Pesanan dikeluarkan. Sila klik butang [31] bagi memilih tarikh.
9	Tarikh Terima	Tarikh penerimaan barang daripada pembekal. Sila klik butang [31] bagi memilih tarikh. Merujuk kepada tarikh DO Nota Serahan
10	Tempoh Jaminan	Sila pilih Tempoh jaminan yang diberikan oleh pembekal.

NO	RUANG YANG PERLU DIISI.	PENERANGAN
11	No. Pesanan Kerajaan	Taipkan No. Pesanan Kerajaan
12	Pembekal	Nama Pembekal. Anda boleh memilih dari senarai pembekal sedia ada klik butang atau klik butang untuk menambah pembekal baru.
13	No. Rujukan Fail	Taipkan No. rujukan fail pembelian.
14	Gambar Foto	Upload gambar barang Aset sila klik butang Jika perlu. Gambar adalah dalam format .jpg
15	Spesifikasi	Msukkan spesifikasi aset tersebut. Jika anda ingin mendaftar komponen atau aksesori anda boleh membuat demikian dengan menekan butang kemaskini komponen dan aksesori.
16	Pegawai Bertanggungjawab	Pilih nama pegawai bertanggungjawab dengan klik butang dan tarikh dipertanggungjawabkan ke atas aset tersebut dengan klik butang .
17	Penempatan Semasa	Pilih Lokasi penempatan, tarikh dan nama pegawai bertanggungjawab. Anda boleh menambah lokasi baru dengan klik butang untuk menambah lokasi baru. Masukkan tarikh penempatan dibuat dan sekiranya anda memilih penempatan mengikut nama kakitangan anda boleh menekan butang untuk carian nama kakitangan dan lokasi serentak
18	No. Vot Pembelian	Taipkan no. Vot Pembelian Aset
19	Kaedah Perolehan	Tandakan Salah satu daripada jenis berikut: Dibeli,Sewa-Beli, Hadiah,Pndahan, Lucut Hak, Tukar Beli atau Tukar Barang
20	Buatan	Negara Pembuat. Contoh: MALAYSIA

Borang KEW.PA-2

<p>Organisasi</p> <p>Kementerian Kewangan Malaysia Bahagian : Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat</p>	<p>Keterangan</p> <p>Kategori : PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT / Sub Kategori : KOMPUTER Jenis : KOMPUTER (DESKTOP)</p> <p>Kod Nasional : <input type="text"/></p>															
<p>Jenis Aset: <input checked="" type="radio"/> Harta Modal <input type="radio"/> Inventori</p> <p>Perolehan: <input checked="" type="radio"/> Dibeli <input type="radio"/> Sewa-beli <input type="radio"/> Hadiah <input type="radio"/> Pindahan <input type="radio"/> Lucut Hak <input type="radio"/> Tukar Beli <input type="radio"/> Tukar Barang</p> <p>No. Siri Pendaftaran KK/ BPTM10 /H /YY /X</p> <p>No. Siri Pendaftaran 160101/H/001002001/YY/XXXX/DB</p> <p>Perolehan Secara </p>																
<p>Sumber Peruntukan </p> <p>No. VOT <input type="text"/> </p> <p>No. Pesanan Kerajaan <input type="text"/> </p> <p>Tarikh Dibeli / Diterima 04/09/2009 04/09/2009 31 samakan</p> <p>Jenama dan Model <input type="text"/></p> <p>Buatan <input type="text"/></p> <p>Jenis dan No. Enjin * <input type="text"/></p> <p>No. Casis / Siri Pembuat <input type="text"/></p> <p>No. Pendaftaran (Bagi Kenderaan) <input type="text"/></p> <p>Gambar Photo <input type="file"/> </p> <p>Spesifikasi (Maksima aksara 500) <input type="text"/></p> <p><input type="checkbox"/> Tanda jika perlu penyelenggaraan</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> Kemaskini Komponen / Aksesori</p>																
<p>Pegawai Bertanggungjawab</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 5%;">Tarikh</td> <td style="width: 15%;">04/09/2009</td> <td style="width: 10%;">31 sama tarikh diterima</td> </tr> <tr> <td>Nama</td> <td><input type="text"/> </td> <td></td> </tr> <tr> <td>Jawatan</td> <td><input type="text"/></td> <td></td> </tr> </table>		Tarikh	04/09/2009	31 sama tarikh diterima	Nama	<input type="text"/>		Jawatan	<input type="text"/>							
Tarikh	04/09/2009	31 sama tarikh diterima														
Nama	<input type="text"/>															
Jawatan	<input type="text"/>															
<p>Penempatan Semasa</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 5%;">Tarikh</td> <td style="width: 15%;">04/09/2009</td> <td style="width: 10%;">31 sama tarikh diterima</td> </tr> <tr> <td>Kod</td> <td><input type="text"/> </td> <td></td> </tr> <tr> <td>Lokasi</td> <td><input type="text"/> </td> <td>tiada</td> </tr> <tr> <td>Nama</td> <td><input type="text"/> </td> <td></td> </tr> <tr> <td>Jawatan</td> <td><input type="text"/></td> <td></td> </tr> </table>		Tarikh	04/09/2009	31 sama tarikh diterima	Kod	<input type="text"/>		Lokasi	<input type="text"/>	tiada	Nama	<input type="text"/>		Jawatan	<input type="text"/>	
Tarikh	04/09/2009	31 sama tarikh diterima														
Kod	<input type="text"/>															
Lokasi	<input type="text"/>	tiada														
Nama	<input type="text"/>															
Jawatan	<input type="text"/>															

2.6 DAFTAR KOMPONEN

Daftar Komponen digunakan bagi merekod komponen atau aksesori bagi aset yang didaftarkan.

2.6.1. Langkah-langkah pendaftaran komponen dan aksesori.

Langkah 1 Klik kemaskini aksesori | komponen

Langkah 2 Masukkan maklumat seperti berikut:

NO	RUANG YANG PERLU DIISI	PENERANGAN
1	Jenis	Taipkan jenis aksesori yang didaftarkan. Contoh: MOUSE
2	Harga	Rekodkan harga sekiranya perolehan lain
3	Kod Produk	No. Produk bagi komponen atau aksesori
4	No. Siri Pembuat	Taipkan No siri kepada barang tersebut. No siri ini dikeluarkan oleh pihak pengilang.
5	Jenama model	Rekodkan jenama dan model komponen Contoh: DELL
6	Jaminan	Jaminan daripada pihak pembekal mengikut bulan dan tahun
7	Kod Nasional	Kod Nasional

Langkah 3 Klik simpan dan paparan senarai komponen di daftar akan dipaparkan.

NO	Jenis	Jenama / Model	Harga Perolehan	Kod Produk	No. Siri Pembuat	Kod Nasional
1.	MOUSE	Dell	0.00	456788J11	ASA12121	
2.	KEYBOARD	Dell	0.00	REW3456	SASA2121	

Langkah 4 Klik TAB Daftar Komponen|Aksesori untuk mendaftar lagi.

DELETE REKOD

Langkah 5 Klik butang untuk memadam rekod. Anda juga boleh memadam rekod komponen di dalam borang daftar KEW.PA-2.

PERHATIAN | Rekod komponen yang didaftarkan tidak boleh di padam selepas rekod harta modal disahkan oleh pegawai. Proses pelupusan perlu sekiranya anda ingin melupuskan dat tersebut.

2.7. DAFTAR INVENTORI

2.7.1. Langkah-langkah Pendaftaran Inventori

Langkah 1 Pilih menu daftar dan klik *Daftar pantas*.

Langkah 2 Taipkan Jenis Aset diruangan carian dan pilih Jenis Aset.

Carian Kelas Aset		Komputer	CARI	SEMULA	
Kod	Kategori			Sub Kategori	Jenis
1. 001002001	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT			KOMPUTER	KOMPUTER MEJA (DESKTOP)
2. 001002002	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT			KOMPUTER	KOMPUTER RIBA (LAPTOP)

Langkah 3 Klik butang Inventori.


Langkah 4 Tekan butang sahkan untuk paparan borang inventori (KEW PA3)

Langkah 5 Daftarkan rekod inventori pada borang Kewangan PA 3.

NO.	DATA YANG PERLU DIISI.	PENERANGAN
1	Butiran Barang	Taipkan Butiran kepada barang tersebut.
2	Kos (RM)	Taipkan Kos seunit bagi setiap barang yang didaftarkan.
3	Kuantiti Aset	Taipkan Kuantiti aset yang hendak di daftarkan.
4	Tarikh Beli	Tarikh Pesanan dikeluarkan. Sila klik butang  bagi memilih tarikh.
5	Tarikh Terima	Tarikh penerimaan barang daripada pembekal. Klik butang  bagi memilih tarikh.
6	Tempoh Jaminan	Sila pilih Tempoh jaminan yang diberikan oleh pembekal.
7	No. Pesanan Kerajaan	Taipkan No. Pesanan Kerajaan
8	Pembekal	Nama Pembekal. Anda boleh memilih dari senarai pembekal sedia ada  atau klik butang  untuk menambah pembekal baru.
9	Gambar Foto.	Upload gambar barang Aset klik butang  JIKA PERLU. Gambar dalam format .jpg
10	Catatan	Masukkan aksesori yang terdapat pada aset tersebut.
11	Pegawai Bertanggungjawab	Pilih nama pegawai bertanggungjawab klik butang  dan tarikh dipertanggungjawabkan keatas aset tersebut klik butang  .
12	Lokasi	Pilih Lokasi penempatan, tarikh dan nama pegawai bertanggungjawab. Jika lokasi baru klik butang  untuk menambah lokasi - penerangan seperti dibawah.
13	Jenis Aset	Tandakan Salah satu daripada jenis berikut: Dibeli, Sewa-Beli, Hadiah, Pindahan, Lucut Hak, Tukar Beli atau Tukar Barang

Langkah 6 Sila klik simpan apabila telah selesai membuat pendaftaran aset.

Klik *Simpan rekod untuk pengesahan* selepas data disimpan sistem akan memaparkan senarai dibawah bagi tujuan agihan penempatan inventori. Ikuti langkah di 2.7.2.



2.7.2. Langkah membuat penempatan bagi pegawai dan lokasi penempatan yang berbeza :

- | | |
|-----------|---|
| Langkah 1 | Tandakan inventori untuk mengemaskini lokasi. Seperti di dalam bulatan diatas |
| Langkah 2 | Klik ubah lokasi dan pegawai |
| Langkah 3 | Pilih nama pegawai, lokasi penempatan dan tarikh penempatan dibuat. |
| Langkah 4 | Klik simpan. |

PERHATIAN.

BAGI REKOD INVENTORI Pengguna boleh mendaftarkan harta inventori **LEBIH DARI SATU** dalam **SATU BORANG** daftar Inventori KEW PA 3 mengikut kuantiti pesanan dalam satu pesanan kerajaan dengan syarat kategori dan jenis aset adalah sama.

2.8. PENGESAHAN DAFTAR ASET

Data Harta modal atau inventori yang telah didaftarkan perlu melalui proses pengesahan data bagi membolehkan aset yang didaftarkan adalah sah. Jika aset yang tidak sah atau salah boleh rekod dipadam semasa proses pengesahan sahaja. Hanya pegawai pengesah yang dilantik sahaja boleh membuat pengesahan kepada rekod yang telah didaftarkan oleh kerani daftar aset.

2.8.1. Langkah-langkah untuk pengesahan harta modal adalah seperti berikut.

- | | |
|-----------|---|
| Langkah 1 | Pada paparan utama Laman Kerja, pilih pengesahan harta modal. |
| Langkah 2 | Klik butang <i>pengesahan daftar harta modal</i> untuk mengesahkan data adalah benar. |
| Langkah 3 | Jika terdapat data yang salah tekan butang <i>ubah data</i> untuk membetulkan data. |
| Langkah 4 | Jika data tidak diperlukan atau tidak wujud tekan butang <i>hapus data aset</i> . |

2.8.2. Langkah-langkah pengesahan inventori adalah seperti berikut:


- | | |
|-----------|--|
| Langkah 1 | Pada paparan utama (Laman Kerja), pilih pengesahan harta inventori. |
| Langkah 2 | Klik butang <i>pengesahan daftar inventori</i> untuk mengesahkan data yang telah didaftarkan adalah benar. |

- Langkah 3 Jika anda mendaftarkan aset lebih dari satu, anda boleh mengubah data penempatan dengan klik butang Paparan kepada jumlah aset yang didaftarkan akan disenaraikan.
- Langkah 4 Jika ingin membuat perubahan tekan butang *edit*.
- Langkah 5 Ikuti langkah di perkara 2.7.2 (Penempatan Inventori)
- Langkah 6 Jika data tidak diperlukan atau tidak wujud tekan butang untuk *hapus data aset*.

3. MODUL DAFTAR PEROLEHAN

Daftar perolehan adalah untuk merekodkan aset mengikut kontrak, tender atau perolehan. Daftar perolehan hanya BOLEH direkod oleh pegawai yang dilantik sahaja.

3.8. Aliran Kerja bagi Daftar Perolehan



3.9. Berikut adalah langkah-langkah untuk merekodkan daftar perolehan:

- Langkah 1 Klik modul Daftar Perolehan
- Langkah 2 Klik submodul Daftar Perolehan
- Langkah 3 Masukkan maklumat perolehan seperti dibawah

MAKLUMAT	KETERANGAN
Kod PTJ	Sila Pilih maklumat kod PTJ
No. Perolehan	Sila masukkan no. Perolehan, no. Tender atau no. Pesanan Kerajaan
Nama Perolehan	Sila rekodkan tajuk atau nama Perolehan, tender atau Pesanan Kerajaan
Pembekal	Sila klik untuk pembekal yang telah berdaftar atau klik pembekal baru
Tarikh Perolehan	Sila klik untuk memilih tarikh perolehan, tender atau Pesanan Kerajaan
No. Rujukan Fail	Sila rekodkan no. Rujukan fail
Pegawai Bertanggungjawab	Sila klik untuk memilih pegawai yang bertanggungjawab perolehan tersebut
Daftar Perolehan	Klik butang daftar kontrak jika telah selesai lengkapkan maklumat perolehan

- Langkah 4 Klik butang untuk edit atau kemaskini maklumat perolehan sekiranya perlu

Langkah 5 Senarai perolehan akan dipaparkan seperti di bawah

Tahun				2009	Halaman 1 dari 1 (papar semua)	Cari No. / Tajuk Perolehan	CARI	
	Tarikh	No. Perolehan	Nama Perolehan	Pembekal	Kuantiti Perolehan			Nilai(RM)
					Dipesan	Diagihkan	Baki	
1.	05-01-2009	TENDER 2009/01	PEMBEKALAN PERALATAN KOMPUTER	KANNTRONICS SDN BHD	30	8	22	2,050,000.00
2.	18-02-2009	Io82828	PERALATAN ICT	APONG SDN BHD	10	10	0	10,000.00

Langkah 6 Klik butang untuk mendaftar aset yang dibekalkan paparan di bawah akan di paparkan.

DAFTAR ASET		Keterangan Barang / Kod Lokasi		Jenama / Lokasi Penempatan		Kuantiti	RM / Unit	Jumlah (RM)
1.	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT / KOMPUTER / KOMPUTER RIBA (LAPTOP)		DELL XPS M1210		3 / 20 unit	5,500.00	110,000.00	

Langkah 7 Klik mendaftar aset yang dibekalkan paparan di bawah akan di paparkan.
Borang daftar aset akan dipaparkan.
Go To Step : Langkah Daftar Aset.

Langkah 8 Klik untuk mengemaskini maklumat penempatan dan agihan.
Go To Step : Langkah kemaskini penempatan dan agihan aset

Langkah 9 Klik untuk mengemaskini maklumat aset yang didaftarkan.
Go To Step : Langkah kemaskini maklumat daftar aset.

Langkah 10 Klik untuk memadam rekod aset yang telah didaftarkan
Sistem akan memaparkan alert sekiranya aset telah diagihkan dan disahkan.

3.10. Langkah-langkah PENDAFTARAN ASET.

Langkah 1 Klik mendaftar aset yang dibekalkan paparan di bawah akan di paparkan.
Borang daftar aset akan dipaparkan.

Langkah 2 Masukkan kelas aset yang hendak didaftarkan.

Carian Kelas Aset		Komputer	CARI	SEMULA	
Kod	Kategori	Sub Kategori	Jenis		
1. 001002001	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	KOMPUTER	KOMPUTER MEJA (DESKTOP)		
2. 001002002	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	KOMPUTER	KOMPUTER RIBA (LAPTOP)		

Langkah 2 Klik cari, senrai kod akan dipaparkan.

Langkah 3 Klik pilihan kelas yang akan digunakan.

Langkah 4 Pilih samaada untuk mendaftar harta modal atau inventori

Langkah 5 Klik sahkan. Masukkan maklumat dikehendaki seperti dibawah.

MAKLUMAT	KETERANGAN
Pembelian	Pilih kaedah pembelian aset : - Dibeli,Sewa-Beli, Hadiah,Pindahan, Lucut Hak, Tukar Beli atau Tukar Barang
Jenama dan Model	Rekodkan maklumat Jenama dan model (Cth: DELL OPTIPLEX 5100)
Buatan	Rekodkan maklumat negara pembuat (Cth: MALAYSIA)
Jenis dan No. Enjin	Masukkan jenis aset yang didaftarkan. CTH : OPTIPLEX 5100
Kuantiti	Sila masukkan kuantiti aset berdasarkan tender, kontrak atau pesanan kerajaan

MAKLUMAT	KETERANGAN
Tarikh dibeli / diterima	Klik  untuk memilih tarikh dibeli dan tarikh diterima
Kos	Rekodkan kos pembelian bagi harga seunit
Jaminan	Sila pilih maklumat jaminan
No. Rujukan fail	Rekodkan no. Rujukan fail
Gambar	Sila klik  untuk memilih gambar yang telah didaftarkan. Klik  untuk merekodkan gambar baru aset.
Simpan Rekod	Klik butang simpan rekod jika telah selesai.

Langkah 6


Klik butang **SIMPAN**

Langkah 7

Ulang langkah 1 untuk mendaftar aset daripada kategori dan jenis yang lain.

3.11. Langkah-langkah AGIHAN ASET.

Aliran Agihan Aset.



PERHATIAN | TERDAPAT TIGA BUTANG AGIHAN IAITU:

-  Agihan Di Dalam Cawangan Anda
-  Agihan ke Cawangan Agensi
-  Agihan Ke Agensi Lain

AGIHAN ASET.

- Langkah 1 Klik  untuk mengemaskini maklumat penempatan dan agihan
Langkah 2 Paparan seperti dibawah akan dipaparkan.

Keterangan Barang / Kod Lokasi	Jenama / Lokasi Penempatan	Kuantiti	RM / Unit Diterima	Jumlah (RM)
1. PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT / PENCETAK (PRINTER) / LASER	LASER JET 1200C	  5 / 10 unit	1,233.00	12,330.00
→080301	Jabatan Kastam Negeri Perak	5 unit	 	

- Langkah 3 Klik  untuk mengemaskini maklumat agihan di cawangan anda atau  untuk agihan ke cawangan lain atau  untuk agihan ke agensi lain.
Langkah 4 Pilih nama agensi untuk agihan agensi dan cawangan agensi atau pilih cawangan untuk agihan cawangan. Abaikan langkah empat untuk agihan di dalam cawangan anda.
Langkah 5 Pilih lokasi dan nama pegawai.
Langkah 6 masukkan kuantiti agihan dan spesifikasi asset
Jika kuantiti agihan 1 anda dibenarkan untuk maklumat no. casis terus di dalam borang yang sama jika lebih dari satu anda perlu mengemaskini kemudian.

KEMASKINI MAKLUMAT ASET DAN CETAK KAD.

- Langkah 7 Klik butang  untuk mengemaskini maklumat asset.
Langkah 8 Masukkan No. Pendaftaran (Bagi Kenderaan) dan No, Casis | Siri Pembuat.
Anda boleh klik butang kemaskini dan menyambung kerja anda pada waktu lain.

SAHKAN REKOD DIDAFTAR DAN JANA NO. SIRI | UNTUK AGIHAN DIDALAM CAWANGAN DAN AGENSI LAIN

- Langkah 9 Klik butang  pada paparan utama rekod (Bagi agihan di cawangan anda) atau klik  dan klik  pada baris rekod yang hendak disahkan (Bagi agihan ke cawangan).
Langkah 10 Bagi agihan di cawangan anda | Klik butang  untuk mencetak kod jalur.
Langkah 11 Bagi agihan di cawangan anda | Klik  dan tandakan baris yang hendak dicetak, klik butang cetak untuk cetakan KAD KEW.PA-2.
Langkah 12 Bagi agihan ke agensi lain | Klik  dan klik  untuk cetakan KAD KEW.PA-2.

Bagi rekod agihan ke cawangan lain di agensi anda cetakan kad dan label boleh dilakukan di cawangan tersebut sahaja.

3.12. Langkah-langkah | PENERIMAAN AGIHAN DI CAWANGAN LAIN.

Hanya pegawai yang dibenarkan sahaja untuk membuat penerimaan.

- Langkah 1 Klik Daftar Perolehan
Langkah 2 Klik Terimaan agihan



- Langkah 3 Daripada menu senarai asset menunggu penerimaan | Klik senarai kontrak.
Langkah 4 Tandakan asset yang diterima dan klik asset telah diterima. Jika anda tidak menerima klik tandakan tidak diterima.
Langkah 5 Daripada menu Senarai yang telah diterima dan menunggu pengesahan | Klik No Kontrak
Langkah 6 Tandakan asset yang hendak dikemaskini penempatan.
Langkah 7 Pilih maklumat lokasi, pegawai penempatan dan pegawai bertanggungjawab.
Langkah 8 Klik butang ✓ untuk mengesahkan rekod.

PERHATIAN | No. Siri yang dijana akan mengikut kepada bahagian yang mendaftar atau mengaihkan asset tersebut.

Buat carian asset mengikut No. Perolehan untuk cetakan kad dan label.

3.13. SENARAI PEROLEHAN

Setiap rekod perolehan yang didaftarkan akan disenaraikan di dalam senarai perolehan. Pengguna yang merekodkan dalam Daftar Perolehan dapat melihat senarai perolehan di dalam sub modul senarai perolehan.

Tahun 2009 ▶◀◀▶▶ Halaman 1 dari 1 (papar semua)							Cari No. / Tajuk Perolehan <input type="text"/> CARI		
	Tarikh	No. Perolehan	Nama Perolehan	Pembekal	Kuantiti Perolehan			Nilai(RM)	
					Dipesan	Diagihkan	Baki		
1.	29-04-2009	L0231010101090546	Perolehan ICT	Tulip Resources Sdn. Bhd.	15	15	0	49,000.00	
2.	29-04-2009	L0231010101090492	Perolehan ICT	Isomers Technologies	1	1	0	34,200.00	

Kaedah menggunakan senarai perolehan adalah seperti berikut:

- Langkah 1 Klik Modul Daftar Perolehan
Langkah 2 Klik Modul Senarai Perolehan
Langkah 3 Masukkan nombor atau tajuk perolehan dan klik butang cari untuk carian perolehan.
Langkah 4 Klik butang tambah untuk tambah maklumat aset
Langkah 4 Klik butang pensil untuk kemaskini maklumat perolehan.

4. MODUL CARIAN.

Enjin carian terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

- Carian data
- Carian harta modal
- Carian inventori
- Carian aksesori.

Modul Carian digunakan untuk membuat carian bagi harta modal dan inventori yang telah didaftarkan di dalam sistem.

4.1. Carian harta modal dan Inventori.

Carian harta modal digunakan untuk membuat carian aset harta modal yang didaftar dan telah disahkan sahaja.

Fungsi tersedia di dalam carian harta modal:

4.1.1. Langkah-langkah carian harta modal.

Langkah 1 Klik menu carian, pilih carian harta modal atau carian harta inventori.

Langkah 2 Masukkan maklumat yang dicari pada ruangan yang disediakan.

Pilihan maklumat bagi tapisan carian ialah:

- Imbas kod jalur (menggunakan peralatan pengimbas kod jalur)
- Kod harta modal yang didaftarkan.
- Kod Nasional
- No. Pesanan kerajaan.
- No Ruj. Fail.
- Kategori asset
- Jenis Aset.
- Jenama.
- Vot No.
- No. Casis | Siri Pembuat - Harta modal sahaja.
- No siri pendaftaran.
- Lokasi penempatan.
- Status harta modal.
- Tarikh perolehan | Daripada tarikh mula sehingga
- Kos perolehan | Dari kos ke kos.
- Nama Pengguna Aset
- Bahagian Pengguna Aset

Langkah 3 tandakan ruang *check box* untuk pilihan kepada paparan maklumat yang dikehendaki.

Langkah 4 Klik butang *Cari* untuk carian maklumat.


Sistem akan membuat carian dan memaparkan rekod carian seperti berikut.

1 Daripada Halaman 4495							Export Excel / Cetak Barkod	Lihat gambar
No. Siri Pendaftaran	Jenis Aset	Butiran	Lokasi Semasa	Pengguna	Tarikh Belian			
1. KK/KDRM115/V04/1	MEJA PENGURUSAN TERTINGGI	MEJA KERJA	160101/BGN/HS/01/B01	MOHAMAD NAQIYUDDIN BIN MOHAMED KAPI	11-11-2004			
2. KK/KDRM115/V04/2	MEJA PENGURUSAN TERTINGGI	MEJA KERJA	160101/BGN/HS/01/B03	ABD. RAHMAN BIN MOHAMAD	11-11-2004			
3. KK/KDRM115/V04/3	MEJA PENGURUSAN TERTINGGI	MEJA KERJA	160101/BGN/HS/01/B04	ASLIZA BINTI AZMAN	11-11-2004			
4. KK/KDRM115/V04/4	MEJA PENGURUSAN TERTINGGI	MEJA KERJA	160101/BGN/HS/01/B05	ABDULLAH BIN SIDIK	11-11-2004			

Apakah yang boleh anda lakukan daripada hasil carian ditemui ?

4.1.2. Langkah-langkah mencetak hasil carian

- Langkah 1 Daripada hasil carian.
- Langkah 2 Klik Export Excel atau Cetak Barcode - Tujuan untuk membuat cetakan senarai asset yang dicari atau membuat cetakan label secara banyak
- Langkah 3 Buat pilihan seperti dibawah



Tandakan butang tersebut untuk export data carian ke excel atau butang dibahagian bawah untuk cetakan kod jalur secara banyak.

- Langkah 4 Klik butang ok.

- Langkah 5 Jika anda membuat export excel klik butang simpan atau open file.

- Langkah 6 Jika anda membuat cetakan barcode klik butang print untuk cetakan barcode.

4.1.3. Langkah-langkah mencetak KAD KEW.PA-2

- Langkah 1 Daripada hasil carian.

- Langkah 2 Klik butang paparan dan paparan asset akan dipaparkan. Lihat di bahagian kanan atas monitor anda



- Langkah 3 Klik PA-2 untuk mencetak maklumat harta modal.

- Langkah 4 Paparan pilihan dan cetakan KEW.PA-2 akan dipaparkan.




- Langkah 5 Klik butang cetak untuk cetak KAD KEW.PA-2.

CETAK MAKLUMAT KEW.PA-2 Bahagian B

- Langkah 6 PA.2-B untuk mencetak maklumat komponen

- Langkah 7 Paparan pilihan dan cetakan KEW.PA-2 akan dipaparkan.



4.1.4. Langkah-langkah mencetak KAD KEW.PA-3

- Langkah 1 Daripada hasil carian.
Langkah 2 Klik butang paparan dan paparan asset akan dipaparkan. Lihat di bahagian kanan atas monitor anda



- Langkah 3 Klik PA-3
Langkah 4 Paparan pilihan dan cetakan KEW.PA-3 akan dipaparkan.

No. Kad - papar Reset

KEW.PA 3
(No. Siri Pendaftaran : KK/KDRM115/I/04/11-20)

DAFTAR INVENTORI

Kementerian/Jabatan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian : BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

Kod Nasional			
Kategori	PERABOT		
Sub Kategori	KERUSI		
Jenis	KERUSI PENGURUSAN TERTINGGI / HIGH BACK CHAIR		
Kuantiti	10	Harga Perolehan Asal	RM 1,500.00 x 10 = RM 15,000.00

- Langkah 5 Klik butang cetak atau save untuk menyimpan data.

4.1.5. Langkah-langkah mencetak Label.

- Langkah 1 Daripada hasil carian.
Langkah 2 Klik butang paparan dan paparan asset akan dipaparkan. Lihat di bahagian kanan atas monitor anda
Langkah 4 Clik cetak barkod.
Langkah 5 Klik butang print.

Contoh label Aset :



4.2. CARIAN DATA

Carian data digunakan untuk memastikan rekod wujud. Carian data boleh digunakan untuk membuat carian bagi harta modal atau inventori yang telah didaftarkan, belum disahkan dan telah disahkan.

4.2.1. Carian terperinci.

Di dalam carian terperinci pengguna SPA haruslah memasukkan maklumat carian di mana-mana ruangan yang yang dikehendaki.

4.2.2. Pengguna boleh membuat carian mengikut:

- Kod Nasional.
- Kod Harta Modal.
- No. Casis | Siri Pembuat.
- No. Siri Pendaftaran.
- No. Pesanan.
- No VOT.

Klik Cari untuk membuat carian seperti berikut:

The screenshot displays a search form titled 'Imbas Barkod' (Scan Barcode). The form includes fields for 'No. Barkod' (Barcode Number), 'No. Siri Pendaftaran' (Registration Number), 'Kod Nasional' (National Code), 'No. Casis/Siri' (Case/Series), 'No. Pendaftaran (Bagi Kenderaan)' (Vehicle Registration), 'No. Pesanan' (Order Number), and 'No. VOT'. At the bottom right is a red 'Cari' (Search) button with a magnifying glass icon.

5. Carian Komponen

Carian komponen digunakan untuk membuat carian komponen yang telah didaftarkan.

5.1. Langkah-langkah bagi carian komponen adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------|---|
| Langkah 1 | Klik modul Carian Aset |
| Langkah 2 | Klik Carian Komponen |
| Langkah 3 | Taipkan maklumat carian komponen, anda boleh membuat carian berdasarkan satu maklumat yang berkaitan dengan aksesori seperti berikut: <ul style="list-style-type: none">▪ No. Kod Komponen▪ No. Siri pembuat komponen▪ Jenis komponen▪ Jenama model komponen |
| Langkah 4 | Klik Cari |
| Langkah 5 | Senarai carian akan dipaparkan |
| Langkah 6 | Klik kod komponen atau klik kod harta induk bagi memaparkan maklumat komponen |
| Langkah 7 | Klik ikon kod jalur untuk cetakan label kod jalur bagi komponen. |

BAB D - PENEMPATAN ASET

1. PENGENALAN PENEMPATAN

Definisi | “Penempatan” ialah satu proses untuk merekod segala perubahan pindahan lokasi penempatan harta modal dan inventori.

Setiap perubahan lokasi harta modal | Inventori, tarikh ditempatkan hendaklah ditandatangan oleh pengguna | penyelia di lokasi itu.

Proses penempatan ini perlu dilakukan sekiranya salah satu atau kedua-dua pekara yang dinyatakan dibawah;

- Lokasi Penempatan :-
 - Berpindah lokasi penempatan di lokasi Kementerian |Jabatan/Agenzi yang sama
 - Pengubahsuaian (*renovation*) lokasi
- Pegawai Penempatan.
 - Pertukaran kakitangan
 - Kakitangan perpindah, bersara atau kakitangan baru

2. KUMPULAN PENGGUNA MODUL PENEMPATAN.

Didalam sistem, pentadbir SPA perlu membuat lantikan pegawai penempatan didalam Modul Konfigurasi.

Definasi dan Tanggungjawab - “Pegawai Penempatan” bermaksud kakitangan |pegawai yang dilantik oleh JKPAK untuk menyelenggara | merekod segala maklumat yang berkaitan dengan penempatan aset di Kementerian |Jabatan | Bahagian.

3. Sub Modul di dalam **MODUL PENEMPATAN**.

- Sub Modul Penempatan adalah seperti berikut;
 - Carian Penempatan
 - Penempatan Aset
 - Penempatan Inventor
 - Pengesahan Penempatan
 - Pemantauan Penempatan
 - Aset Tiada Pengguna
 - Aset Tiada Penempatan

4. CARIAN PENEMPATAN.

4.1. Carian Penempatan | Tujuan carian penempatan adalah seperti berikut;

- Cetakan KEW.PA -7
- Mengemaskini maklumat Pegawai Penempatan bagi keseluruhan atau sebahagian aset di dalam satu lokasi
- Mengemaskini maklumat lokasi bagi keseluruhan atau sebahagian aset di dalam satu lokasi tersebut.

4.2. Pengguna boleh menetapkan hasil carian penempatan mengikut lokasi dengan memaparkan pilihan data seperti dibawah.:

- No. Siri Pendaftaran - Medan mandatori
- No Pesanan Kerajaan
- Tarikh Perolehan
- Nilai Perolehan
- Lokasi Penempatan
- Pegawai | Pengguna Penempatan

4.3. Langkah-langkah membuat carian mengikut penempatan dan cetak KEW.PA-7.

Langkah 1 Klik menu penempatan dan sub menu carian penempatan. Paparan di bawah akan dipaparkan.

Langkah 2 Tanda pada 'check box' pada lokasi atau nama pegawai penempatan yang hendak dicari.

Langkah 3 Klik **CARI** Paparan Rekod Penempatan

Langkah 4 Paparan carian akan dipaparkan mengikut lokasi yang dipilih. Paparan pilihan dibawah akan dipaparkan.

No. Siri Pendaftaran	Maklumat Aset	Lokasi Semasa	Bahagian
1. KK/KDRM115/H/08/10	PERALATAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT MESIN PEJABAT / MESIN FOTOSTAT	BILK STOR 1 160101/BGN/HS/01/B02	BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT
2. KK/KDRM115/H/08/11	PERALATAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT MESIN PEJABAT / MESIN FOTOSTAT	BILK STOR 1 160101/BGN/HS/01/B02	BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT
3. KK/KDRM115/H/08/12	PERALATAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT MESIN PEJABAT / MESIN FOTOSTAT	BILK STOR 1 160101/BGN/HS/01/B02	BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

PILIHAN SATU - CETAK CARIAN

Langkah 5 Klik cetak carian untuk membuat cetakan KEW.PA-7

Langkah 5 Tandakan KEW.PA-7 standard atau pilihan lain untuk cetakan.

Langkah 6 Klik ok untuk cetakan.

Langkah 7 Klik butang printer untuk memulakan cetakan KEW.PA-7

PILIHAN DUA - TUKAR PEGAWAI

Langkah 5 Klik Tukar Pegawai untuk mengemaskini maklumat pegawai yang bertanggungjawab kepada penempatan aset.

Langkah 6 Tandakan Sebahagian aset atau pilih semua aset seperti yang dibulatkan untuk dipindahkan kepada pegawai bertanggungjawab yang baru.

Langkah 7 Klik pilih pegawai penempatan lain.

Langkah 8 Buat carian pegawai dan klik di nama pegawai tersebut.

Langkah 9 Klik Simpan.

Langkah 10 Buat cetakan semula KEW.PA-7 mengikut nama pegawai yang baru di lantik. Lakukan cetakan seperti di dalam pilihan satu langkah 5 hingga 7.

PILIHAN DUA - PINDAH LOKASI

Langkah 5 Klik Pindah Lokasi untuk mengemaskini maklumat perubahan lokasi aset..

Langkah 6 Tandakan Sebahagian aset atau pilih semua aset seperti yang dibulatkan untuk dipindahkan kepada lokasi yang baru.

No. Siri Pendaftaran	Maklumat Aset	Jenama	No. Casis/Siri Pembuat	Pilih Penempatan Lain
080301/BGN/B1/01/B02 - BILIK KPSU				<input checked="" type="checkbox"/>
ABDUL GHANI BIN ABDULLAH				<input type="checkbox"/>
1. KK/KDRM115/H/09/40	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT KOMPUTER / KOMPUTER MEJA (DESKTOP)	DELL	SDDS333	<input type="checkbox"/>
2. KK/KDRM115/H/09/41	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT KOMPUTER / KOMPUTER RIBA (LAPTOP)	DELL XPS M123	M123	<input type="checkbox"/>

- Langkah 7 Klik pilih lokasi baru.
 Langkah 8 Buat carian lokasi yang baru dan nama lokasi tersebut.
 Langkah 9 Klik Simpan.
 Langkah 10 Buat cetakan semula KEW.PA-7 mengikut nama pegawai yang baru di lantik. Lakukan cetakan seperti di dalam pilihan satu langkah 5 hingga 7.

5. PENEMPATAN HARTA MODAL

- 5.1. Carian Penempatan adalah bertujuan untuk mencari aset yang telah didaftarkan dan membuat penambahan penempatan lokasi baru atau pegawai penempatan baru.
- 5.2. Kaedah penempatan harta modal adalah seperti dibawah:

- Langkah 1 Klik Modul Penempatan.
 Langkah 2 Klik Penempatan Aset dan buat carian Harta Modal berdasarkan kepada ruangan yang disediakan kemudian klik butang Cari.
 Langkah 3 Klik butang paparan untuk memaparkan maklumat aset dan penempatan kepada aset tersebut

No. Siri Pendaftaran	No. Casis/Siri Pembuat	Jenis Aset	Jenama	Lihat gambar
1. KK/KDRM115/H/09/38	141414	KOMPUTER RIBA (LAPTOP)	HP	
2. KK/KDRM115/H/09/39	151515	KOMPUTER RIBA (LAPTOP)	HP	

Rekod Penempatan Paparan 1 hingga 2 dari 2 rekod

TAMBAH REKOD PENEMPATAN.

- Langkah 4 Klik butang Tambah Rekod Penempatan.
 Langkah 5 Pilih Tarikh, Lokasi dan Nama Pegawai Penempatan yang baru.
 Langkah 6 Klik butang Kemaskini.

CETAK MAKLUMAT PENEMPATAN

Tambah Rekod Penempatan		
Butir-butir Penempatan Harta Modal		
Tarikh	Lokasi Penempatan	Pegawai Penempatan
1. 26-07-2002	160101/BGN/HU/08/B14 BILIK FAIL PEROLEHAN	Nama : ROSINAH BINTI ALI Jawatan : PENOLONG KANAN PENGARAH KASTAM I Bahagian : 16010106

- Langkah 7 Klik cetak Untuk mencetak maklumat mengikut lokasi.
 Langkah 8 Masukkan kad kewangan yang sama dan Print.

PERHATIAN | Apabila anda membuat penambahan atau perubahan kepada maklumat penempatan aset. Pastikan KAD KEW.PA-2 dan KAD KEW.PA-7 dicetak dan ditandatangani oleh pegawai penempatan tersebut.

5.3. Mencetak maklumat penempatan daripada modul carian harta modal.

5.3.1. Kaedah penempatan harta modal adalah seperti dibawah:

Rujuk modul carian bagi langkah 1 hingga langkah 4.

- Langkah 1 Klik modul carian harta modal atau inventori.
- Langkah 2 Buat carian aset yang hendak dicetak.
- Langkah 3 daripada paparan rekod klik butang cetak KEW.PA-2 atau KEW.PA-3
- Langkah 4 Buat pilihan untuk cetakan penempatan rujuk langkah seterusnya.

PENEMPATAN			
Lokasi	160101/BGN/HU/08/B14 BILIK FAIL PEROLEHAN	160101/BGN/HG/01/B07 BILIK PEGAWAI 6	
Tarikh	26-07-2002	04-09-2009	
Nama Pegawai	ROGINAH BINTI ALI PENOLONG KANAN PENGARAH ...	AISYAH BT MUSTAFA ptm	
Tandatangan			

- Langkah 6 Masukkan halaman keberapa pada No. Kad
- Langkah 7 Masukkan masukkan maklumat penempatan ke berapa pada ruang penempatan. (masukkan No. 1 - 4 | iaitu 1 kolumn 1 hingga 4 untuk kolumn ke 4)
- Langkah 8 Klik butang papar.
- Langkah 9 Masukkan KAD yang sama
- Langkah 10 Klik butang cetak.

PERHATIAN | Bagi halaman yang kedua dan seterusnya no. penempatan adalah sama daripada 1 - 4 sahaja.

6. PENEMPATAN INVENTORI

6.1. Carian Penempatan inventori adalah bertujuan untuk mencari aset yang telah didaftarkan dan membuat penambahan penempatan lokasi baru atau pegawai penempatan baru pada rekod inventori.

6.2. Kaedah mengemaskini penempatan inventori adalah seperti dibawah:

- Langkah 1 Klik Modul Penempatan.
- Langkah 2 Klik Penempatan inventori dan buat carian Harta Modal berdasarkan kepada ruangan yang disediakan kemudian klik butang Cari.
- Langkah 3 Klik butang paparan untuk memaparkan maklumat aset dan penempatan kepada aset tersebut

No. Siri Pendaftaran	No. Siri	Jenis Aset	Butiran
1. KK/KDRM115/J-BP-01/V09/30	0001	MEJA KOMPUTER	MEJA KOMPUTER
2. KK/KDRM115/J-BP-01/V09/38	0003	ALAS MEJA	ALAS MEJA

TAMBAH REKOD PENEMPATAN.

- Langkah 4 Klik butang Tambah Rekod Penempatan.
Langkah 5 Pilih Tarikh, Lokasi dan Nama Pegawai Penempatan yang baru.
Langkah 6 Klik butang Kemaskini.

CETAK MAKLUMAT PENEMPATAN

Butir-butir Penempatan Harta Modal			Pegawai Penempatan
	Tarikh	Lokasi Penempatan	
1.	26-07-2002	160101/BGN/HU/08/B14 BILIK FAIL PEROLEHAN	Nama : ROSINAH BINTI ALI Jawatan : PENOLONG KANAN PENGARAH KASTAM I Bahagian : 16010106

- Langkah 7 Klik cetak Untuk mencetak maklumat mengikut lokasi.
Langkah 8 Masukkan kad kewangan yang sama dan Print.

PERHATIAN | Apabila anda membuat penambahan atau perubahan kepada maklumat penempatan aset. Pastikan KAD KEW.PA-3 dan KAD KEW.PA-7 dicetak dan ditandatangani oleh pegawai penempatan tersebut.

7. PENGESAHAN PENEMPATAN.

- 7.1. Pengesahan Penempatan | Senarai rekod aset untuk pengesahan penempatan adalah hasil daripada pemeriksaan harta modal KEW PA-10 atau Inventori KEW PA-11.
- 7.2. Pengesahan penempatan hendaklah dilakukan bagi memastikan perubahan lokasi dan atau pegawai penempatan aset (Harta Modal atau Inventori) adalah betul dengan perubahan lokasi atau pegawai penempatan aset semasa atau aset yang berubah tempat tidak dapat dikesa.
- 7.3. Langkah-langkah pengesahan adalah seperti berikut:

Langkah 1 Klik pengesahan penempatan

No. Siri Pendaftaran	Tarikh Periksa	Lokasi Sebenar	Pegawai Penempatan	Keadaan Fizikal	Pegawai Pemeriksa
1. KK/KDRM115/W04/12	07-12-2008	160101/BGN/HS/04/B02 160101/BGN/HS/04/B25	ASPAWI BIN ISMAIL PENOLONG PENGARAH KASTAM ASLIZA BINTI AZMAN JURUTEKNIK (ELEKTRONIK)	Sedang Digunakan	Saipul Bahri Hasan Pegawai Aset

- Langkah 2 Klik untuk membuat paparan maklumat.
Maklumat penempatan semasa aset berwarna biru, maklumat penempatan baru aset berdasarkan pemeriksaan berwarna kuning.
Langkah 3 Klik pilih tarikh penempatan terkini
Langkah 4 Pilih Lokasi Penempatan
Langkah 5 Klik pegawai penempatan yang terkini
Langkah 6 Klik kemaskini untuk mengemaskini dan membuat pengesahan penempatan baru atau
Langkah 7 Klik untuk membatalkan pengesahan dan mengekalkan rekod lama penempatan aset.

8. PEMANTAUAN PENEMPATAN.

- 8.1. Pemantauan Penempatan | Senarai ini adalah hasil daripada pendaftaran Harta Modal atau Inventori yang direkodkan tiada nama pegawai atau tiada lokasi penempatan.
- 8.2. Paparan ini adalah sebagai panduan kepada pegawai aset untuk memantau berapa jumlah rekod aset yang tidak lengkap iaitu tiada mempunyai nama pegawai atau tiada lokasi penempatan
- 8.3. Paparan pemantauan penempatan adalah seperti berikut:

BAHAGIAN PENGGUNA BERMASALAH		Bahagian Pendaftar			
Aset	Jumlah	Tiada Penempatan	Tiada Pengguna		
	Harta Modal 72,322	2	2		
	Inventori 200,730	0	0		
Jumlah tidak termasuk jumlah yang diagh kepada agensi lain					

NOTA: Kesan terhadap carian rekod dan laporan

ASET YANG TIDAK MEMPUNYAI LOKASI

Aset yang tidak mempunyai lokasi penempatan atau di dalam database menyimpan maklumat tiada.

ASET YANG TIDAK MEMPUNYAI REKOD PEGAWAI PENEMPATAN

Aset yang tidak mempunyai pegawai penempatan atau di dalam database menyimpan maklumat tiada.

9. ASET TIADA PENGGUNA.

- 9.1. Aset Tiada Pegguna | Senarai ini adalah hasil daripada pendaftaran Harta Modal atau Inventori yang direkodkan tiada nama pegawai penempatan.
- 9.2. Carian aset tiada pengguna boleh dibuat berdasarkan no chasis/siri atau kategori aset. Klik butang *Cetak* untuk mencetak senarai aset tiada pengguna.
- 9.3. Langkah-langkah untuk mengemaskini maklumat pengguna adalah seperti berikut sekiranya pengguna adalah pegawai aset (Pegawai Penempatan):

No. Casis/Siri	Kategori Aset	Jenis Aset	Status	Tarikh Beli	Kos (RM)	
1. KK/KORM115/H/09/28 Dibeli	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	PELAYAN (SERVER) / STORAGE SERVER	Sedang Digunakan	25-02-2009	4,400.00	
2. KK/KORM115/H/09/30 Dibeli	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	KOMPUTER / KOMPUTER RIBA (LAPTOP)	Sedang Digunakan	25-02-2009	2,000.00	

Langkah 1 Klik butang edit untuk membuat paparan dan mengemaskini maklumat aset.

Butir-butir Penempatan Harta Modal		
Tarikh	Lokasi Penempatan	Pegawai Penempatan
1. 25-02-2009	160101/BGN/HS/02/R003 RUANG LEGAR	Nama : tiada Jawatan :

- Langkah 2 Klik Paparan Rekod Penempatan bagi mengubah rekod pertama harta modal
- Langkah 3 Klik Ubah rekod ini untuk mengubah rekod penempatan sediada
- Langkah 4 Klik Calender untuk memilih tarikh penempatan baru
- Langkah 5 Klik Carian Pengguna untuk memilih pegawai/kakitangan penempatan yang baru
- Langkah 6 Klik kemaskini untuk mengemaskini maklumat penempatan baru
- Langkah 7 Klik untuk cetak penempatan ini.

Atau

- Langkah 8 Klik tambah rekod penempatan untuk menambah rekod penempatan baru.

10. ASET TIADA PENEMPATAN.

- 10.1. Aset Tiada Penempatan | Senarai aset daripada pendaftaran Harta Modal atau Inventori yang direkodkan tiada lokasi penempatan.
- 10.2. Carian aset tiada penempatan boleh dibuat berdasarkan no chasis/siri atau kategori aset. Klik butang *Cetak* untuk mencetak senarai aset tiada pengguna.
- 10.3. Langkah-langkah untuk mengemaskini maklumat lokasi penempatan adalah seperti berikut sekiranya pengguna adalah pegawai aset (administrator):

No. Siri Pendaftaran	Kategori Aset	Jenis Aset	Status	Tarikh Beli	Kos (RM)
1. KK/KDRM115/H/09/7 Dibeli	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	KOMPUTER / KOMPUTER TABLET	Sedang Digunakan	16-02-2009	4,000.00 

Langkah untuk mengemaskini rekod penempatan sama seperti mengemaskini rekod tiada pegawai penempatan.

BAB E - PERGERAKAN ASET

1. PENGENALAN MODUL PERGERAKAN

Definasi | “pergerakan” ialah satu proses merekod segala bentuk pergerakan atau pinjaman ke atas aset kerajaan. Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman atau penempatan sementara hendaklah direkod pada Daftar Pergerakan Harta Modal | Inventori KEW.PA-6.

Fungsi sistem didalam proses pergerakan atau pinjaman seperti yang dinyatakan dibawah;

- Merekod semua pinjaman atau pergerakan yang dibuat atas aset kerajaan.
- Mengetahui status pinjaman aset.
- Membuat pemerhatian di atas pergerakan | pinjaman aset

2. SUB MODUL PERGERAKAN ASET.

2.1 Senarai Sub Modul Di dalam Modul Pergerakan

- Aset Gunasama
- Pemohonan Pinjaman | Pergerakan aset
- Modul Pergerakan Aset.
- Senarai Permohonan
- Permohonan Lulus
- Pemulangan Aset Gunasama
- Arkib Pergerakan Aset

3. KAEADAH MEREKOD ASET.

3.1. Proses permohonan pergerakan| pinjaman aset gunasama

3.2. Merekod terus pergerakan|pinjaman aset

:: PERINGATAN ::

- Aset yang sedang diselenggara tidak boleh buat penempatan dan pergerakan.
- Aset yang sedang dipinjam tidak boleh buat penempatan dan pergerakan.
- Aset yang telah lopus tidak boleh dipinjam atau dibuat penempatan.

4. PERKARA YANG PERLU ANDA LAKUKAN SEBELUM MEMULA MODUL PERGERAKAN.

4.1. Terdapat 4 Perkara utama yang perlu anda lakukan sebelum modul pergerakan dapat dilakukan.

- Mendaftar Kumpulan Aset Guna Sama - Kumpulan aset gunasama perlu di daftarkan mengikut cawangan di dalam sistem. Kumpulan gunasama ini akan hanya boleh dilihat oleh pegawai di agensi tersebut sahaja.
- Daftar Pegawai yang akan mengawal kumpulan aset gunasama - Pegawai yang bertanggungjawab kepada aset gunasama yang diamanahkan olehnya. Pegawai bagi satu kumpulan aset gunasama boleh lebih dari seorang. Fungsi pegawai ialah:
 - Memantau pergerakan aset gunasama
 - Melulus atau menolak permohonan pergerakan aset gunasama
 - Melantik penyelia yang akan menguruskan penerimaan dan pengeluaran aset gunasama.
- Daftar Penyelia yang akan mengendalikan aset gunasama mengikut kumpulan - Penyelia yang bertanggungjawab kepada aset gunasama yang diamanahkan olehnya. penyelia bagi satu kumpulan aset gunasama boleh lebih dari seorang. Fungsi pegawai ialah:
 - Menguruskan penerimaan dan pengeluaran aset gunasama.

- Daftar Aset sebagai aset gunasama - Senarai aset yang didaftarkan sebagai aset gunasama
 - Menguruskan penerimaan dan pengeluaran aset gunasama.

Sila pilih kumpulan barang.		<input checked="" type="checkbox"/> Pemantauan Pergerakan Aset Gunasama			<input checked="" type="checkbox"/> Daftar Kumpulan Aset Gunasama		
Kod Stor	Kumpulan Barang	Jumlah	Dipinjam	Baki			
1. KA	Kumpulan A	10	0	10			
2. KQ	Kumpulan Q	7	2	5			

4.2. Langkah-langkah Mendaftar Kumpulan Aset Guna Sama.

NOTA : Hanya pentadbir sistem SPA sahaja yang dibenarkan untuk mendaftar kumpulan aset gunasama

- Langkah 1 Klik Modul Pergerakan | Pinjaman
- Langkah 2 Klik Sub Modul **Aset Gunasama**
- Langkah 3 Klik Daftar Kumpulan Aset Gunasama.
- Langkah 4 Masukan kod dan Keterangan Kumpulan

Cth :

Kod	: BPTM
Keterangan	: Aset Gunasama Teknologi Maklumat

PERINGATAN | Pastikan kod dan keterangan yang diwujudkan adalah berlainan antara satu kumpulan aset gunasama dengan yang lain. Kod yang diwujudkan akan digunakan di dalam borang permohonan dengan janaan seperti dibawah.

CTH kod permohonan :

KOD KEMENTERIAN	KOD JABATAN	KOD ASET GUNASAMA	TAHUN	NO. SIRI
KK	KDRM115	BPTM	09	0003

Kod Penuh : KK/KDRM115/BPTM/09/0003

PERINGATAN | Kumpulan gunasama tidak boleh dipadama sekiranya terdapat aset didalamnya dan kod gunasama tidak boleh dikemaskini selepas pendaftaran dibuat.

4.3. Langkah-langkah Mendaftar Pegawai yang akan mengawal kumpulan aset gunasama

NOTA : Hanya pentadbir sistem SPA sahaja yang dibenarkan untuk melantik pegawai kumpulan aset gunasama.

- Langkah 1 Klik Modul Pergerakan | Pinjaman
 - Langkah 2 Klik Sub Modul **Aset Gunasama**
 - Langkah 3 Pilih nama aset gunasama dan klik untuk mendaftar pegawai kumpulan aset gunasama.
- Paparan dibawah akan dipaparkan:

Daftar pegawai				
Pegawai Pengesah				
Bill	Nama Pegawai	Jawatan	Bahagian	No. Telefon Pejabat
1.	PENGGUNA DUA A	PEGAWAI ASET	BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT	
2.	PENGGUNA TIGA A	PEGAWAI ASET	BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT	
3.	SAIPULBAHRI BIN HASAN	PEGAWAI ASET	BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT	03-76694434

- Langkah 4 Pilih TAB Pegawai Pengesah.

Langkah 5 Klik  untuk memilih nama pegawai. Klik simpan

PADAM NAMA PEGAWAI.

Langkah 6 Pilih nama pegawai dan klik  untuk memadam rekod nama pegawai.

4.4. Langkah-langkah Mendaftar Penyelia yang akan mengendalikan aset gunasama mengikut kumpulan.

NOTA : Hanya pentadbir sistem SPA dan pegawai kumpulan aset gunasama dibenarkan untuk melantik pegawai penyelia kumpulan aset gunasama.

Langkah 1 Klik Modul Pergerakan | Pinjamaan

Langkah 2 Klik Sub Modul **Aset Gunasama**

Langkah 3 Pilih nama aset gunasama dan klik  untuk mendaftar pegawai kumpulan aset gunasama.
Paparan dibawah akan dipaparkan:

Pegawai Penyelia		Pegawai Pengesah		
Daftar pegawai		Pegawai Pengesah		
Bil	Nama Pegawai	Jawatan	Bahagian	No. Telefon Pejabat
1.	PENGUNA DUA A	PEGAWAI ASET	BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT	
2.	PENGUNA TIGA A	PEGAWAI ASET	BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT	
3.	SAIPULBAHRI BIN HASAN	PEGAWAI ASET	BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT	03-76694434 

Langkah 4 Pilih TAB Pegawai Penyelia

Langkah 5 Klik  untuk memilih nama pegawai penyelia. Klik simpan

PADAM NAMA PEGAWAI.

Langkah 6 Pilih nama pegawai penyelia dan klik  untuk memadam rekod nama pegawai.

4.5. Langkah-langkah pendaftaran Aset gunasama di bawah kawalan kumpulan gunasama yang didaftarkan

NOTA : Hanya Pegawai pengesah sahaja yang dibenarkan untuk membuat pendaftaran aset gunasama.

Langkah 1 Klik Modul Pergerakan | Pinjamaan

Langkah 2 Klik Sub Modul **Aset Gunasama**

Langkah 3 Klik **Kumpulan Barang**. Paparan dibawah akan dipaparkan

Tambah Aset					Pinjaman Terus
Kod	Jenama	No. Casis	Status	Peminjam	
PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT					
1.	KK/KDRM115/H/08/21	ACER L670G	1	<input type="checkbox"/> Sedang Dipinjam	AHMAD FAHMI SULAIMAN
2.	KK/KDRM115/H/08/22	ACER L670G	2	<input type="checkbox"/> Sedang Dipinjam	AHMAD FAHMI SULAIMAN
3.	KK/KDRM115/H/08/23	ACER L670G	3		

Langkah 4 Klik tambah barang.

Langkah 5 Buat Carian Aset. Paparan dibawah akan dipaparkan

Halaman 1 dari 1812 Jumlah Rekod 18111					Pilih
No. Siri Pendaftaran Aset	No. Casis / No. Siri	Jenis	Jenama/Model		
1. KK/KDRM115/H/00/1001		MOTOSIKAL	EX 5	<input type="checkbox"/>	
2. KK/KDRM115/H/00/1002		MOTOSIKAL	EX 5	<input type="checkbox"/>	
3. KK/KDRM115/H/00/1003		MOTOSIKAL	EX 5	<input type="checkbox"/>	

Langkah 6 Tandakan aset yang hendak dipilih dan klik butang pilih.

5. REKOD PINJAMAN.

Terdapat dua kaedah pengeluaran pinjaman aset iaitu:

- Rekod pergerakan terus
- Pinjaman on-line.

5.1. REKOD PERGERAKAN TERUS

NOTA : Hanya Pegawai dan Penyelia bagi setiap kumpulan aset gunasama sahaja yang dibenarkan untuk mengemaskini maklumat pergerakan terus.

Aliran kerja bagi merkod pergerakan terus.

5.1.1. Langkah-langkah mengemaskini maklumat pergerakan terus

PENGELURAN

- | | |
|-----------|--|
| Langkah 1 | Klik Modul Pergerakan Pinjamaan |
| Langkah 2 | Klik Sub Modul Aset Gunasama |
| Langkah 3 | Klik Nama Kumpulan Barang . Paparan dibawah akan dipaparkan |

PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT					<input checked="" type="checkbox"/> Pinjaman Terus
Kod	Jenama	No. Casis	Status	Peminjam	
1. KK/KDRM115/H/08/21	ACER L670G	1	<input type="checkbox"/> Sedang Dipinjam	AHMAD FAHMI SULAIMAN	
2. KK/KDRM115/H/08/22	ACER L670G	2	<input type="checkbox"/> Sedang Dipinjam	AHMAD FAHMI SULAIMAN	
3. KK/KDRM115/H/08/23	ACER L670G	3			X

- | | |
|-----------|--|
| Langkah 4 | Tandakan aset yang hendak dipinjam. Pegawai boleh memilih lebih dari satu aset. |
| Langkah 5 | Klik Pinjaman Terus.
Sistem akan memberi alert sekiranya tiada aset yang dipilih.
Paparan borang pinjaman. |
| Langkah 6 | Pegawai perlu mengisi borang pinjaman dengan maklumat: |
- Nama peminjam dan e-mail (Pilih daripada database)
 - Maklumat Pembawa (Jika Perlu)
 - Tujuan pinjaman
 - Tempat
 - Catatan
 - Pegawai Pelulus.
- | | |
|-----------|---|
| Langkah 7 | Klik Sahkan Pengeluaran Terus dan Borang Pengeluaran akan dipaparkan untuk cetakan. |
|-----------|---|

PEMULANGAN

- | | |
|-----------|--|
| Langkah 1 | Klik Modul Pergerakan Pinjamaan |
| Langkah 2 | Klik Sub Modul Pemulangan Aset Gunasama |
| | Paparan dibawah akan dipaparkan |

Barcode No. Rujukan	No. Permohonan	No. Pengeluaran	Pemohon	Tarikh			Bil Hari Diambil
				Pohn	Perlu	Ambil	
Kumpulan Q							
1. KK/KDRM115/PIN/KQ/09/0002	KDRM/090309/232658/913	AHMAD FAHMI SULAIMAN	09/03/2009	09/03/2009	09/03/2009	179	<input type="checkbox"/> 
2. KK/KDRM115/PIN/KQ/09/0003	KDRM/300609/150900/863	AHMAD FAHMI SULAIMAN	09/03/2009	09/03/2009	30/06/2009	66	<input type="checkbox"/> 

- | | |
|-----------|--|
| Langkah 3 | Scan barcode pada borang pinjaman Jika ada scanner . |
| Langkah 4 | Klik butang  untuk mengemaskini maklumat pemulangan aset. |
| Langkah 5 | Paparan di sebelah akan dipaparkan |


- Langkah 6 Tandakan Aset yang hendak dipulangkan. Satu persatu atau pemulangan banyak aset.
- Langkah 7 Klik **tanda dan terima barang**.
- Langkah 8 Masukkan tarikh dan catatan penerimaan. Klik kemaskini.
Aset yang telah diterima akan ditandakan dan pengguna perlu mencetak KEW.PA-6.
- Langkah 9 Klik butang untuk cetakan KEW.PA-6. Pastikan anda masukkan baris mana yang hendak dicetak seperti gambarajah dibawah | Bagi cetakan rekod kedua dan seterusnya untuk KAD KEW.PA-6 yang sama.

LANJUT TARikh DI PEMULANGAN

- Langkah 9 Klik lanjut tarikh dijangka pulang. Pada borang terimaan barang
- Langkah 10 Masukkan tarikh baru dijangka pulang dan catatan kenapa lanjut tarikh dipohon
Sistem akan memaparkan tarikh baru dijangka pulang.

5.2. PINJAMAN SECARA ONLINE.

ALIRAN KERJA PERMOHONAN DAN KELULUSAN PERGERAKAN ASET



5.2.1. PERMOHONAN PENGGUNA.

NOTA : Semua kakitangan yang sah boleh membuat permohonan pergerakan aset.

LANGKAH PERMOHONAN PERGERAKAN ASET

Langkah 1

Portal SPA

Langkah 2

Klik Pengurusan Aset



Langkah 3

Klik Permohonan Pinjaman Peralatan

Langkah 4

Masukkan maklumat permohonan pergerakan peralatan.

Permohonan Pinjaman Peralatan

MAKLUMAT PEMOHON

No. Kad Pengenalan: enter selepas dimasukan

Nama:

Jawatan:

Bahagian:

Tel. H/P:

Tel. Pejabat:

Alamat E-Mail:

MAKLUMAT PINJAMAN

Aset Gunasama:

Tarikh Pinjam: 04/09/2009

Tarikh Pulang: 04/09/2009

Tujuan:

Tempat:

HANTAR

Langkah 5

Masukkan kad pengenalan - tekan butang enter.

Paparan nama, jawatan, bahagian, no. tel dan e-mail akan dipaparkan secara auto

Langkah 6

Pilih Kumpulan Aset gunasama Pilih kumpulan aset gunasama.

Langkah 7

Pastikan aset yang hendak dipinjam berada di dalam kumpulan tersebut
masukkan kuantiti yang hendak dipinjam. Seperti paparan dibawah

Senarai Barang Di Stor Kumpulan A				
Keterangan	Jumlah sediada	Dipinjam	Baki	Bilangan
KOMPUTER / KOMPUTER MEJA (DESKTOP)	9	0	9	<input type="text" value="1"/>
KOMPUTER / KOMPUTER RIBA (LAPTOP)	1	0	1	<input type="text" value="1"/>

Langkah 8

Klik butang pilih.

Langkah 9

Masukkan Tujuan pergerakan aset dan tempat dibawa.klik hantar

Langkah 10

Sahkan Permohonan atau kemaskini kuantiti.

Apabila pengguna telah mengesahkan permohonan. Sistem akan menjana borang permohonan dan akan dihantar melalui e-mail kepada pemohon.

PERHATIAN | Borang akan dihantar kepada pegawai di kumpulan gunasama yang dipohon

5.2.2. KELULUSAN OLEH PEGAWAI

NOTA : Hanya Pegawai bertanggungjawab bagi kumpulan aset gunasama boleh meluluskan permohonan pergerakan aset.

LANGKAH KELULUSAN PERGERAKAN ASET

Langkah 1 Klik Modul Pergerakan | Pinjaman

Langkah 2 Klik Sub Modul **SENARAI PERMOHONAN**

Paparan dibawah akan dipaparkan

Permohonan Baru						Permohonan Dilulus		Permohonan Tidak Dilulus	
		Halaman 1 dari 1							
No. Rujukan	Pemohon	Tujuan	Tempat	Tarikh Ingin Dipinjam					
1. KK/KDRM115/PIN/KA/09/0002	SAIPULBAHRI BIN HASAN	Pameran	PWTC	09/03/2009	<input type="checkbox"/>				
2. KK/KDRM115/PIN/KQ/09/0004	AHMAD FAHMI SULAIMAN	MEETING	PWTC	09/03/2009	<input type="checkbox"/>				
3. KK/KDRM115/PIN/KQ/09/0005	AHMAD FAHMI SULAIMAN	MEETING	JPM	09/03/2009	<input type="checkbox"/>				

Langkah 3 Klik untuk meluluskan atau menolak permohonan

Paparan di bawah akan dipaparkan.

Maklumat Pemohon	Maklumat Permohonan Pinjaman																							
<p>Tujuan MEETING Tempat JPM Daripada 09/03/2009</p>	<p>Hingga 09/03/2009</p>																							
<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Kategori</th> <th colspan="7">Jumlah Kuantiti</th> </tr> <tr> <th>Keseluruhan</th> <th>Baki Semasa</th> <th>Dilulus Pada Tarikh Dipohon</th> <th>Dipulangkan Sebelum Tarikh Dipohon</th> <th>Baki Sebenar Ketika Tarikh Dipohon</th> <th>Dipohon</th> <th>Lulus</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>KOMPUTER / KOMPUTER MEJA (DESKTOP)</td> <td>7</td> <td>4</td> <td>0</td> <td>2</td> <td>6</td> <td>1</td> <td>1</td> </tr> </tbody> </table>		Kategori	Jumlah Kuantiti							Keseluruhan	Baki Semasa	Dilulus Pada Tarikh Dipohon	Dipulangkan Sebelum Tarikh Dipohon	Baki Sebenar Ketika Tarikh Dipohon	Dipohon	Lulus	KOMPUTER / KOMPUTER MEJA (DESKTOP)	7	4	0	2	6	1	1
Kategori	Jumlah Kuantiti																							
	Keseluruhan	Baki Semasa	Dilulus Pada Tarikh Dipohon	Dipulangkan Sebelum Tarikh Dipohon	Baki Sebenar Ketika Tarikh Dipohon	Dipohon	Lulus																	
KOMPUTER / KOMPUTER MEJA (DESKTOP)	7	4	0	2	6	1	1																	
PERMOHONAN DITOLAK				KEMASKINI DAN LULUSKAN PERMOHONAN																				

KEMASKINI DAN LULUSKAN PERMOHONAN

Langkah 4 Tentukan kuantiti yang dibenarkan

Langkah 5 Klik Kemaskini dan luluskan permohonan dan masukkan catatan

Atau

NOTA : Sistem akan memberi alert kepada pemohon

PERMOHONAN DITOLAK

Langkah 6 Klik **Permohonan Ditolak** dan masukkan catatan penolakan

NOTA : Sistem akan memberi alert kepada pemohon.

NOTA | Semua permohonan yang telah diluluskan akan di masukkan ke dalam senarai permohonan lulus dan menunggu pengeluaran oleh penyelia.

5.2.3. PENGELUARAN OLEH PENYELIA

NOTA : Hanya Penyelia bertanggungjawab bagi kumpulan aset gunasama boleh membuat pengeluaran pergerakan aset bergantung kepada kelulusan pegawai kumpulan gunasama.

LANGKAH PENGELUARAN PERGERAKAN ASET

Langkah 1 Klik Modul Pergerakan | Pinjamaan

Langkah 2 Klik Sub Modul **Permohonan Lulus**

Paparan dibawah akan dipaparkan.

No. Rujukan	Pemohon	Keterangan Barang	Tarikh		Bil Hari	Hingga Diperlukan
			Pohon	Perlu		
Kumpulan A						
1. KK/KDRM115/PIN/KA/09/0002	SAIPULBAHRI BIN HASAN		09/03/2009	09/03/2009	0	
2. KK/KDRM115/PIN/KA/09/0003	SAIPULBAHRI BIN HASAN		09/03/2009	09/03/2009	0	

Langkah 3 Klik untuk membuat pengeluaran aset.

Maklumat pengeluaran di bawah akan dipaparkan.

Maklumat Pinjaman	Maklumat Pembawa
Peminjam SAIPULBAHRI BIN HASAN	Jika barang diambil oleh orang lain (Selain daripada pemohon)
Email saipul@kanntronics.com.my	Diambil Oleh
Tarikh Pinjaman 09/03/2009	No. K/P Baru
Tarikh Dijangka Pulang 09/03/2009	No. K/P Polis / Tentera
Tujuan Pameran	Jawatan
Tempat PWTC	Jabatan/Bahagian atau Syarikat
No. Rujukan : KK/KDRM115/PIN/KA/09/0002	
Catatan	
maklumat lain seperti nombor memo dan sebagainya	
Maklumat Aset Dipohon	
Kumpulan A	

Langkah 4 Masukkan maklumat Pembawa | Jika aset diambil oleh orang lain.

Masukkan yang perlu sahaja.

Langkah 5 Klik untuk melihat jumlah aset yang diluluskan oleh pegawai.

Langkah 6 Klik Nama Kumpulan Aset Gunasama untuk memilih aset

Paparan carian akan dipaparkan. Buat carian aset

Kod	Jenama	No. Casis	Jumlah		
			Mohon	Lulus	
KOMPUTER / KOMPUTER MEJA (DESKTOP)					
1. KK/KDRM115/H/06/1	HP	SGH228376			<input checked="" type="checkbox"/>
2. KK/KDRM115/H/06/2	HP	SGH228367			<input checked="" type="checkbox"/>
3. KK/KDRM115/H/06/3	HP	SGH228365			<input type="checkbox"/>
4. KK/KDRM115/H/06/4	HP	SGH228332			<input type="checkbox"/>
5. KK/KDRM115/H/06/5	HP	SGH228342			<input type="checkbox"/>
6. KK/KDRM115/H/06/6	HP	SGH227654			<input type="checkbox"/>
7. KK/KDRM115/H/06/7	HP	SGH227665			<input type="checkbox"/>
8. KK/KDRM115/H/06/8	HP	SGH227876			<input type="checkbox"/>
9. KK/KDRM115/H/06/9	HP	SGH225434			<input type="checkbox"/>
KOMPUTER / KOMPUTER RIBA (LAPTOP)					
10. KK/KDRM115/H/07/1	DELL i100s	SSJ665856551223			
KEMASKINI					

Langkah 7 Tandakan aset yang hendak dikeluarkan dan klik kemaskini

Sistem tidak membenarkan kuantiti dikeluarkan lebih daripada kuantiti diluluskan.

Langkah 8 Selesai Permohonan dan Cetak borang pengeluaran aset.

LANGKAH PEMULANGAN ASET

- Langkah 1 Klik Modul Pergerakan | Pinjamaan
 Langkah 2 Klik Sub Modul **Pemulangan Aset Gunasama**
 Paparan dibawah akan dipaparkan

Barcode No. Rujukan	No. Permohonan	No. Pengeluaran	Pemohon	Tarikh	Bil Hari Diambil
	Pohon	Perlu	Ambil		
Kumpulan Q					
1.	KK/KDRM115/PIN/KQ/09/0002	KDRM/090309/232658/913	AHMAD FAHMI SULAIMAN	09/03/2009 09/03/2009 09/03/2009	179
2.	KK/KDRM115/PIN/KQ/09/0003	KDRM/300609/150900/863	AHMAD FAHMI SULAIMAN	09/03/2009 09/03/2009 30/06/2009	66

- Langkah 3 Scan barcode pada borang pinjaman | **Jika ada scanner.**
 Langkah 4 Klik butang  untuk mengemaskini maklumat pemulangan aset.
 Langkah 5 Paparan di sebelah akan dipaparkan

<input checked="" type="checkbox"/> Tanda Dan Terima Barang					
Kod	Maklumat Aset	Pengguna Semasa	Lokasi Semasa		
1. <input type="checkbox"/> KK/KDRM115/H/08/21	PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT / KOMPUTER / KOMPUTER MEJA (DESKTOP)	A. AZIZ BIN HASHIM PEGAWAI KASTAM	160101/BGN/HS/01/B03 BILIK PEGAWAI 2		
<input type="checkbox"/> Barang telah dipulangkan  Cetak KEW.PA-6					

- Langkah 6 Tandakan Aset yang hendak dipulang. Satu persatu atau pemulangan banyak aset.
 Langkah 7 Klik **tanda dan terima barang**.
 Langkah 8 Masukkan tarikh dan catatan penerimaan. Klik kemaskini.
 Aset yang telah diterima akan ditandakan dan pengguna perlu mencetak KEW.PA-6.
 Langkah 9 Klik butang  untuk cetakan KEW.PA-6. Pastikan anda masukkan baris mana yang hendak dicetak seperti gambarajah dibawah | Bagi cetakan rekod kedua dan seterusnya untuk KAD KEW.PA-6 yang sama.

<input type="button" value="Cetak baris (Bil.)"/>	<input type="text" value="hingga"/>	<input checked="" type="checkbox"/> papar	<input checked="" type="checkbox"/> Reset
---	-------------------------------------	---	---

LANJUT TARIKH DI PEMULANGAN

- Langkah 9 Klik lanjut tarikh dijangka pulang. Pada borang terimaan barang
 Langkah 10 Masukkan tarikh baru dijangka pulang dan catatan kenapa lanjut tarikh dipohon
 Sistem akan memaparkan tarikh baru dijangka pulang.

BAB F - PENYELENGGARAN ASET

1. PENGENALAN PENYELENGGARAAN

Definasi | “Penyelenggaraan” ialah satu proses untuk merekod segala penambahan baikan, penyelenggaraan dan menaiktaraf aset. Setiap proses penyelenggaraan harta modal | Inventori hendaklah direkodkan dan ditandatangan oleh pegawai yang merekod penyelenggaraan.

1.1. Proses penyelenggaraan terbahagi kepada dua (2) jenis seperti yang dinyatakan dibawah;

- **PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN (Preventive Maintenance)** - KEW.PA-13
ialah tindakan penyelenggaraan berjadual yang diambil untuk memeriksa, menservis, membaiki atau mengganti komponen atau sumber fizikal secara teratur supaya dapat berfungsi dengan lancar secara berterusan; dan
- **PENYELENGGARAAN PEMULIHAN (Corrective Maintenance)** - KEW.PA-14, KEW.PA-2 | Bahagian B
ialah tindakan membaiki atau mengganti komponen atau sumber fizikal supaya dapat berfungsi mengikut standard yang ditetapkan.


2. KUMPULAN PENGGUNA MODUL PENYELENGGARAAN.

Dalam sistem, pentadbir SPA perlu membuat lantikan pegawai Penyelenggaraan didalam Modul Konfigurasi.

Definisi dan Tanggungjawab | “Pegawai Penyelenggaraan” bermaksud kakitangan|pegawai yang dilantik oleh JKPAK untuk menyelenggara|merekod segala maklumat yang berkaitan dengan Penyelenggaraan aset di Kementerian|Jabatan|Bahagian.

3. LANGKAH-LANGKAH PENYELENGGARAAN ASET.

3.1. CARTA ALIR ADUAN, PENYELENGGARAAN DAN NAIK TARAF ASET:



3.2. SUB MODUL PENYELENGGARAAN

Sub Modul Penyelenggaraan adalah seperti berikut;

- Selenggara Harta
- Sedang Diselenggara
- KEW PA-13
- Permohonan Kelulusan
- Senarai Aduan
- Senarai Kelulusan
- Perlu Pembakaian
- Admin Penyelenggaraan

4. PENTADBIR PENYELENGGARA.

Petadbir penyelenggara adalah pegawai aset yang dilantik oleh Pentadbir SPA (rujuk pelantikan di dalam modul pentadbir sistem). Fungsi Utama pentadbir penyelenggara ialah :

4.1. Melantik pegawai penyelenggara untuk mengemaskini maklumat penyelenggaraan mengikut akses yang dibenarkan.

4.1.1. Kaedah pelantikan pegawai penyelenggara.


- | | |
|-----------|--|
| Langkah 1 | Klik Modul Penyelenggaraan. |
| Langkah 2 | Klik Admin Penyelenggaraan |
| Langkah 3 | Klik Senarai |
| Langkah 4 | Klik  lantik untuk memilih kakitangan yang ditugaskan untuk menjadi pegawai penyelenggara |
| Langkah 5 | Pilih Kakitangan dan pastikan anda memilih tapisan rekod sebelum pelantikan dibuat. Lihat paparan dibawah: |



5. ADUAN KEROSAKAN (KEW.PA-9).

Aduan kerosakan peralatan boleh dibuat menggunakan borang KEW.PA-9.

5.1. Proses aduan kerosakan hingga pembakaian.



5.2. Langkah aduan kerosakan bagi Harta Modal

NOTA : Hanya Pegawai Penyelenggara sahaja yang dibenarkan untuk mengemaskini rekod.,

Langkah 1 Klik Modul Penyelenggaraan.

Langkah 2 Klik Sub Modul Selenggara Harta dan buat carian Harta Modal berdasarkan kepada ruangan yang disediakan kemudian klik butang Cari.

Carian selenggara harta boleh dibuat dengan memasukan maklumat mengikut rekod berdasarkan kad KEW PA-2 atau fizikal aset (aset yang telah dilabelkan). Didalam maklumat carian, anda boleh membuat carian berdasarkan;

